

■◀-
^'rnryi
filimV

PARLIMEN MALAYSI A

DEWAN RAKYAT

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEDUABELAS 2010

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab
Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab
Dalam Dewan Rakyat Daripada
Kementerian**

HARI SELASA: 30 MAC 2010

CAWANGAN PERUNDANGAN

PARLIMEN MALAYSIA.

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM DEWAN
(SOALAN NO. 7,11 HINGGA 70)**

NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 6, 8, 9, DAN 10

[RUJUK PENYATA RASMI HARLAN (HANSARD)]

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

JAWAB LISAN DATO' PADUKA ABU BAKAR BIN TAIB

DARI PAD A

30 MAC 2010 (SELASA) NO. 7

TARIKH

SOALAN

**Dato' Paduka Abu Bakar Bin Taib [Langkawi] minta MENTERI
PENGAJIAN**

TINGGI menyatakan

- (a) Apakah tindakan pusat-pusat pengajian tinggi untuk mengkomersialkan hasil penyelidikan mereka; dan**
- (b) Nyatakan hasil 5 penyelidikan yang kita boleh banggakan.**

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga Jun 2009, terdapat sebanyak 12,523 penyelidikan telah dilaksanakan oleh IPTA. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 4.3% atau 543 produk penyelidikan telah dikomersialkan dan 313 produk lagi berpotensi untuk dikomersialkan. Kementerian Pengajian Tinggi dan IPTA sentiasa mengambil langkah-langkah perlu dalam meningkatkan pengkomersilan hasil penyelidikan di IPT, di antaranya ialah:**
 - i. menubuhkan Jawatankuasa Pengkomersilan yang turut dianggotai oleh lima ahli panel daripada pihak industri yang memberi khidmat nasihat dan membantu mengenalpasti rakan kongsi industri;**

- ii. mewujudkan jawatan Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi, Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) dan Unit Hubungan Industri di IPTA;
- iii. menggalakkan IPTA menubuhkan syarikat utama (*holding company*) bagi mempergiatkan aktiviti pengkomersialan dan menjalinkan kerjasama dengan industri;
- iv. mewujudkan kerjasama pintar di antara IPTA dengan pihak Industri dalam perkongsian keuntungan harta intelek;
- v. menggalakkan IPTA menyertai pertandingan reka cipta R&D di peringkat kebangsaan dan antarabangsa bagi mempromosikan hasil reka cipta inovasi dan produk R&D IPTA; dan
- vi. mempromosikan produk-produk R&D IPTA melalui perancangan media (media plan) iaitu hasil-hasil R&D IPTA dihebahkan melalui laman web, media cetak dan elektronik;

Tuan Yang Dipertua,

(b) Terdapat banyak hasil produk IPTA yang telah dikomersilkan ke seluruh dunia dengan nilai jualan melebihi jutaan ringgit, kesemuanya amatlah membanggakan berdasarkan katogeri masing-masing. Berikut adalah lima hasil produk R&D IPTA yang baru dikomersilkan dan telah menunjukkan jumlah jualan yang menggalakkan:

- i. Produk KENAF atau KENAF *Pre-Commercialisation Study* iaitu alternatif untuk memulihkan semula kertas oleh Prof. Ir. Mohd Omar

Abdul

Kadir, Universiti Sains Malaysia (USM) dengan jumlah jualan kasar sebanyak RM793 ribu sejak dikomersilkan pada tahun 2008;

- ii. MyDen Kit iaitu kelengkapan diagnostik yang baru untuk mengesan virus denggi oleh Prof. Dr. Shamala Devi, Universiti Malaya (UM) dengan jumlah jualan kasar sejak dikomersilkan pada tahun 2009 sebanyak RM300 ribu;
- iii. Vita Grow iaitu baja daun yang mengandungi nutrien lengkap dan seimbang oleh Prof. Madya Syed Omar Syed Rastan, Universiti Putera Malaysia (UPM) yang dikomersilkan pada tahun 2008 dan memperoleh jumlah keseluruhan jualan kasar sebanyak RM22 juta;
- iv. Hy-DeX (PSC100) iaitu produk untuk penyahgrisan (*degreasing*) dan pembersihan hidrokarbon serta menghilangkan gas-gas toksik oleh En. Abdul Aziz Abdul Kadir, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) yang mula dikomersilkan pada tahun 2009 dan telah memperoleh jumlah keseluruhan jualan kasar sebanyak RM801 ribu; dan
- v. PORTAFOAM (*Portable Foaming Generator*) iaitu penjana berbuih versi kompak yang disediakan untuk kilang atau di lokasi konkrit berbasa pada skala kecil hingga sederhana oleh Dr. Norizal Md. Noordin, Universiti Sains Malaysia (USM) dengan jumlah keseluruhan jualan kasar sebanyak RM969 ribu sejak dikomersilkan pada tahun 2007.

Soalan No: 11

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

| | |
|-----------------------------|---|
| PERTANYAAN | LISAN |
| DARIPADA | TUAN ALEXANDER NANTA LINGGI [KAPIT - BN] |
| TARIKH | 30 MAC 2010 (SELASA) |
| <u>SOALAN NO. 11</u> | |

Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit - BN] minta MENTERI BELIA DAN
SUKAN

menyatakan mengapa dibenarkan ada dua pasukan tajaan syarikat-syarikat Malaysia menyertai sukan lumba motor F1 Grand Prix.

JAWAPAN:

Kerajaan tidak mempunyai sebarang ekuiti atau pelaburan dalam pasukan lumba F1 Lotus. Penyertaan syarikat-syarikat Malaysia dalam penajaan sukan lumba kereta F1 merupakan satu inisiatif usaha sama yang dibiayai sepenuhnya oleh sektor swasta dan syarikat-syarikat tempatan. Penajaan ini juga berdasarkan kepada pertimbangan komersial syarikat-syarikat tersebut. Sasaran penaja tempatan seperti PETRONAS dalam sukan berkenaan adalah untuk penjenamaan produk minyak pelincir. Manakala, LOTUS F1 Racing pula berkaitan dengan penjenamaan teknologi permotoran.

SOALAN NO: 12

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARI PAD A YB NURUL IZZAH BINTI ANWAR

[LEMBAH PANTAI]

TARIKH

30 MAC 2010 (SELASA)

SOALAN

Puan Nurul Izzah Binti Anwar [Lembah Pantai] minta PERDANA MENTERI menyatakan kesediaan menubuhkan sebuah suruhanjaya siasatan bebas mengenai pelaksanaan projek-projek di bawah Jabatan Pembangunan Pusat di negeri Terengganu sejak 1999 kerana terlalu banyak keruntuhan berlaku yang mengancam keselamatan dan nyawa orang awam.

YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

JAWAPAN: Tuan yang di-Pertua,

Berikutan daripada insiden keruntuhan yang berlaku di negeri Terengganu, pihak kerajaan telah menubuhkan satu jawatankuasa siasatan di peringkat Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya (JKR).

Secara spesifik, satu Jawatankuasa Penyiasat Bebas telah ditubuhkan pada 15 Jun 2009 bagi menyiasat insiden keruntuhan bumbung di stadium utama Kuala Terengganu. Hasil siasatan dan laporan lengkap telah pun dikemukakan kepada Kerajaan Negeri Terengganu untuk tindakan lanjut.

Sekian. Terima kasih.

NO. AUM : 17

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT
LISAN**

PERTANYAAN

TUAN TENG BOON SOON [TEBRAU]

DARIPADA

30 MAC 2010

TARIKH

2410

**SOALAN:
RUJUKAN:**

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bagaimana Kementerian memastikan hanya pekerja asing yang sebenarnya diperlukan boleh dibawa masuk oleh agen tempatan dan apakah sistem pemantauan selepas pekerja asing dibenarkan masuk. Apakah tindakan diambil terhadap pekerja dan pelajar asing yang menyeleweng.

JAWAPAN UNTUK SOALAN PARLIMEN PADA 30.03.2010

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Y.B. dari Tebrau di atas soalan yang dikemukakan.

Untuk makluman Yang Berhormat, kelulusan untuk menggaji pekerja asing adalah diberikan kepada majikan sahaja. Majikan boleh membuat pengambilan terus dari negara sumber atau menggunakan pekhidmatan syarikat penyumberan luar (*outsourcing*) atau Agensi Pekerjaan untuk pengambilan pembantu rumah.

Kerajaan tidak mengiktiraf mana-mana agen pekerjaan kecuali Agensi Pekerjaan Pembantu Rumah Asing (PRA). Selain dari Agensi Pekerjaan PRA, kerajaan memperkenalkan sistem outsourcing untuk mengambil pekerja asing.

Bagi memastikan hanya pekerja asing yang sebenar diperlukan sahaja dibawa masuk, kerajaan telah memperkenalkan langkah-langkah yang ketat bagi pengambilan pekerja asing oleh syarikat penyumberan luar seperti berikut

1. Mewajibkan supaya Agensi Pekerjaan (AP) atau syarikat outsourcing membuat pengesahan bahawa sudah ada majikan yang akan menggajikan pekerja asing yang akan dibawa masuk.
2. Syarikat outsourcing dan majikan perlu mengemukakan permohonan

untuk pengambilan pekerja asing di Pusat Kelulusan Setempat (*One Stop Centre*), Kementerian Dalam Negeri. Di Pusat Kelulusan Setempat, majikan akan melalui proses temuduga dan semakan bagi memastikan kelayakan dan keperluan sebenar guna tenaga kerja.

3. Majikan diwajibkan membayar levi dalam tempoh 48 jam selepas permohonan diluluskan. Surat kelulusan akan hanya dikeluarkan selepas bayaran levi dibuat.
4. Naziran akan dibuat keatas syarikat-syarikat majikan di mana permohonan mereka mengandungi butiran yang meragukan.

Langkah diatas telah diambil oleh kerajaan bagi memastikan hanya pekerja asing yang sebenarnya diperlukan sahaja dibenarkan dibawa masuk oleh syarikat penyumberan luar supaya insiden lambakan pekerja asing dapat dielakkan.

Bagi memastikan bahawa pekerja asing yang telah dibawa masuk tidak diabaikan oleh syarikat, Kementerian Dalam Negeri bersama Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) akan mengadakan naziran ke atas majikan yang telah diluluskan pengambilan pekerja asing.

Selain naziran, Jabatan Imigresen Malaysia bersama agensi penguatkuasaan lain mengadakan operasi penguatkuasaan untuk memastikan majikan tidak menggajikan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI). Semua data berhubung dengan pekerja asing dan syarikat yang menggajikan mereka dimasukkan ke dalam sistem JIM. Ini akan memudahkan pemantauan syarikat dan pekerja yang terlibat.

Kerajaan memandang serius penyelewangan atau penyalahgunaan pas

pekerja atau pelajar. Mereka ini akan dikenakan tindakan di bawah Peraturan 39(b), Peraturan Imigresen 1963. Selepas didakwa, atau dikenakan kompaun, mereka akan diusir ke negara asal mereka. Nama mereka akan disenaraihitamkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), serta biometrik mereka diambil bagi memastikan supaya mereka tidak lagi dibenarkan masuk lagi ke negara ini.

Kerajaan bertegas dalam perkara ini kerana tidak mahu negara kita menjadi tempat warga asing yang masuk secara sah tetapi menjalankan aktiviti yang bertentangan dengan syarat kebenaran yang diberikan apabila berada di sini.

m: ftf**SJ.B/(63)**

PEMBERITAHU
 PERTANYAAN DEWAN
 RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA
 TUAN ER TECK HWA (BAKRI)

PERTANYAAN
 LISAN

TARIKH
 SOAtAKi NO **30.03.2010**
Ar

Tuan Er Teck Hwa (Bakri) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan sebab-sebab kenderaan komersial dan persendirian yang usianya lebih 20 tahun susah mendapatkan premium insurans pihak ke-3 (3rd Party). Ada antaranya terpaksa membeli premium insurans pihak pertama ataupun ditambah dengan premium persendirian (P.A).

DARIPADA
 TUAN KHAIRY JAMALUDDIN (REMBAU)

PERTANYAAN
 USAN

TARIKH **30,03.2010**

SCAUk] Kio **25**

Tuan Khairy Jamaluddin (Rembau) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan pandangan dengan cadangan bagi memperkenalkan skim insurans motor pihak ketiga yang mempunyai had tanggungan nilai tertentu, seperti di Thailand untuk segmen

pengguna kendaraan lama.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Saya memohon untuk menjawab soalan dari Yang Berhormat Bakri bersama-sama soalan dari Yang Berhormat Rembau kerana kedua-duanya menyentuh perkara dan jsu yang sama.

Untuk makluman Yang Berhormat, banyak syarikat penanggung insurans secara individunya tidak mampu menawarkan perlindungan insurans motor, terutamanya polis insurans motor pihak ketiga. Ini adalah berdasarkan pengalaman tuntutan yang tidak memuaskan akibat peningkatan kemalangan jalanraya dan kos perniagaan yang semakin meningkat berbanding kadar premium yang masih bsrdasarkan Tarif Motor yang tidak pernah berubah semenjak tahun 1978. Sebagai contohnya, pada tahun 2008, bagi setiap ringgit premium yang diterima oleh penanggung insurans, sebanyak RM2.70 telah dibayar sebagai tuntutan.

2. Walau bagaimanapun, disebalik kepincangan harga ini yang memudaratkan kedudukan kewangan penanggung-penanggung insurans am, Bank Negara Malaysia tidak membenarkan penanggung insurans memaksa pemilik kenderaan untuk membeli perlindungan insurans tambahan sebagai syarat untuk memperoleh perlindungan insurans motor. Pemilik kenderaan yang tidak dapat memperoleh perlindungan insurans yang diinginkan daripada mana-mana penanggung insurans dinasihatkan supaya mendapatkan perlindungan polisi

insurans motor Pihak Ketiga daripada Malaysian Motor Insurance Pool (MMIP), iaitu suatu pakatan yang ahlinya terdiri daripada penanggung insurans am berlesen.

3. MMIP merupakan penanggung insurans terakhir dan wajib menawarkan perlindungan insurans motor kepada pemilik kenderaan yang tidak boleh mendapatkan perlindungan dari pasaran. Perlindungan insurans motor yang dikeluarkan oleh MMIP boleh didapati dari mana-mana cawangan atau agen-agen MMIP iaitu Multi- Purpose Insurans Berhad, UnLAsia General Insurance Berhad dan Pos Malaysia Berhad.

NO. AUM : 71

NO. AUP : IS

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN DING KUONG HIING [SARIKEI]

TARIKH 30 MAC 2010

RUJUKAN 2416

SOALAN:

Tuan Ding Kuong Hiing [Sarikei] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah perancangan Kementerian untuk mengambil lebih banyak pegawai/kakitangan kaum Cina di Depot Polis Daerah Sarikei dan Bintangor (berdasarkan jawapan lisan pada 22 Februari 2009) selaras dengan seruan Perdana Menteri : Satu Malaysia. Nyatakan juga rancangan Kementerian untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan skuad polis di negara kita sedangkan kenaikan gaji telah dilaksanakan baru-baru ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Sarikei yang telah mengemukakan Soalan.

Terlebih dahulu izinkan saya memaklumkan bahawa isu yang sama pernah dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Sarikei dalam Mesyuarat Pertama Penggal Kedua ialah sebenarnya pada 24 Februari 2009.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pihak Kementerian dan PDRM sentiasa menggalakkan penyertaan kaum bukan Melayu untuk berkhidmat dalam pasukan polis bukan sahaja daripada kaum Cina, tetapi semua kaum bagi memastikan usaha untuk mencapai hasrat gagasan Satu Malaysia berjaya. Sehubungan dengan ini, cadangan penambahan pegawai dan anggota polis berbangsa Cina di IPD Sarikei dan Bintangor akan dipertimbangkan berdasarkan keperluan dan keadaan semasa.

Tuan Yang Dipertua,

Bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan pasukan PDRM, antara langkah utama yang diambil oleh pihak Kementerian dan PDRM ialah melaksanakan 55 Inisiatif di bawah Bidang Keberhasilan

Utama

Nasional (NKRA) bagi usaha mengurangkan kadar jenayah. Antara inisiatif yang dilaksanakan ialah, pertama, meningkatkan elemen *omnipresence* dengan bantuan pihak sukarelawan daripada Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (RELA) dan Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM), kedua, penubuhan *First Respond Team* yang menggunakan motosikal dan balai polis bergerak, ketiga, meningkatkan interaksi dan kerjasama dengan orang ramai melalui program *Stop and Talk* dan *High Profile Policing*.

Selain daripada itu, *Key Performance Indicators* (KPI) bagi Ketua Polis Negara diwujudkan untuk tujuan seperti berikut:

- i. mengukur tahap prestasi utama berasaskan kepada objektif PDRM yang merangkumi penurunan kadar jenayah, peningkatan kadar penyelesaian kes, pembanterasan jenayah terancang, meningkatkan ke arah pengurangan bekalan dan permintaan dadah dan meningkatkan aktiviti-aktiviti pencegahan jenayah.
- ii. memastikan tahap pencapaian prestasi menepati sasaran yang ditetapkan
- iii. membolehkan satu kajian impak dijalankan bagi mengatasi kelemahan-kelemahan yang telah dikenal pasti secara berterusan

Pihak PDRM juga turut melaksanakan Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001:2008 dalam pengurusan organisasi mereka serta menubuhkan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) bagi menggalakkan daya kreativiti dan inovasi di kalangan pegawai dan anggota polis.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI

MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

LISAN

PERTANYAAN TUAN MANOGARAN A/L MARIMUTHU

DARIPADA : [TELOK INTAN]
TARIKH

30 MAC 2010

SOALAN

Tuan Manogaran a/l Marimuthu [Telok Intan] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan

- a) Mengapakah pihak hospital mengambil masa yang terlampau lama untuk melepaskan mayat kepada keluarga selepas keluarga simati memberi persetujuan untuk derma organ. Ini sangat menyusahkan keluarga simati dan tidak menggalakkan orang ramai menderma organ.; dan
- b) banyak NGO ingin menjalankan kempen derma organ tetapi menghadapi banyak halangan seperti tidak cukup borang untuk diisi oleh penderma. Kakitangan yang terlibat dalam pembedahan derma organ dari simati juga tidak langsung dibayar sebarang elaun. Adakah ini benar.

Tuan Yang di-Pertua,

Masa yang diambil untuk melepaskan mayat kepada keluarga selepas keluarga simati memberi persetujuan untuk derma organ bergantung kepada jenis organ atau tisu yang didermakan. Sekiranya ahli keluarga setuju untuk

mendermakan beberapa jenis tisu dan organ, masa yang diambil adalah lebih lama. Sekiranya hanya mata (“cornea”) sahaja yang didermakan, masa yang diambil adalah lebih singkat.

Terdapat keperluan untuk membawa pasukan khas untuk proses pengambilan organ. Ini memerlukan tempoh masa tertentu untuk membolehkan pergerakan pasukan tersebut ke hospital yang terlibat. Adalah menjadi matlamat anggota perubatan untuk menyegerakan proses tersebut bagi memastikan kualiti organ tersebut adalah baik untuk digunakan.

Selepas proses pengambilan organ mayat akan dilepaskan dalam masa yang singkat. Sebelum sesuatu proses pendermaan dilakukan, anggota perubatan akan berbincang dengan ahli keluarga. Jangka masa yang diperlukan untuk menyerahkan mayat penderma serta proses yang terlibat akan diterangkan dengan terperinci. Selalunya, ahli keluarga bersetuju dengan jangka masa yang diperlukan. Walau bagaimanapun, sekiranya ahli keluarga menetapkan satu jangka masa tertentu, anggota perubatan akan mengambil organ dan tisu tertentu sahaja berdasarkan jangka masa yang ditetapkan.

Kementerian juga bekerjasama dengan Agensi-agensi lain seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan penerbangan ehsan pihak Angkatan Tentera Malaysia (ATM) bagi mempermudah dan mempercepatkan lagi proses pendermaan.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian mencetak sebanyak 500,000 borang pendaftaran pengikrar penderma organ setahun. Kebelakangan ini, sambutan orang ramai dan juga badan-badan bukan kerajaan didapati semakin meningkat. Keadaan ini memerlukan pihak Kementerian mengawal jumlah borang yang akan

diedarkan kepada badan-badan bukan kerajaan. Sehingga 28 Februari 2010, jumlah keseluruhan rakyat Malaysia yang telah berikrar untuk menderma organ dan tisu selepas kematian adalah 139,193 orang. Berikutan dengan pertambahan bilangan pengikrar penderma organ ini, Kementerian sedang membangunkan sistem pendaftaran atas talian (“online registration”) melalui laman web www.agiftoflife.gov.my. Sistem tersebut dijangka akan dilancarkan pada pertengahan tahun ini. Dengan adanya sistem ini, badan-badan bukan kerajaan boleh membantu Kementerian memberi pendidikan kepada orang ramai dengan lebih mudah dan pendaftaran pengikrar boleh dibuat tanpa memerlukan borang. Kad pengikrar penderma organ akan dihantar melalui pos kepada mereka yang mendaftar.

Tuan Yang di-Pertua,

Walaupun tiada elaun khas diwujudkan, anggota perubatan yang terlibat dalam pembedahan derma organ layak untuk menuntut elaun tugas atas panggilan dan elaun lebih masa di samping boleh membuat tuntutan perjalanan bagi setiap kes pembedahan derma organ yang dilakukan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

| | |
|-------------|---|
| PERTANYAAN | JAWAB LISAN |
| DARIPADA | YB DATO' SRI IR. MOHD ZIN BIN MOHAMED [SEPANG] |
| TARIKH | 30 Mac 2010 |
| SOALAN [17] | YB DATO' SRI IR. MOHD ZIN BIN MOHAMED [SEPANG] minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan apakah tindakan yang telah diambil oleh Kementerian atas penyiaran berita yang tidak benar dan tidak tepat yang sengaja dibesar-besarkan oleh akhbar di luar negara demi untuk menjaga imej negara. |

DEWAN RAKYAT

YB TUAN AZAN BIN ISMAIL [INDERA
MAHKOTA]

PERTANYAAN

14 April 2010

DARIPADA

TARIKH

SOALAN

YB TUAN AZAN BIN ISMAIL INDERA
MAHKOTA] minta **MENTERI LUAR NEGERI**
menyatakan apakah langkah serta tindakan
yang diambil oleh pihak Kerajaan untuk
memastikan pihak negara asing
mendapatkan maklumat yang betul
berkenaan kedudukan proses undang-
undang serta pendakwaan yang dilakukan
seperti yang berlaku di Parlimen Negara
Australia baru-baru ini.

Jawapan

Tuan Yang di-Pertua,

Izinkan saya menjawab soalan daripada Yang Berhormat Sepang bertarikh 30 Mac 2010 bersama soalan daripada Yang Berhormat Indera Mahkota bertarikh 14 April 2010, kerana soalan-soalan tersebut menyentuh perkara yang berkaitan. Terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di atas soalan yang dikemukakan.

2. Kementerian Luar Negeri sentiasa memantau laporan-laporan media asing yang menyentuh kepentingan negara Malaysia termasuk tentang para pemimpinnya. Dalam hal ini, Kementerian Luar Negeri sentiasa menyalurkan maklumat-maklumat yang tepat dan terkini mengenai isu dan dasar-dasar Kerajaan semasa supaya dapat digunakan untuk penerangan dan penjelasan oleh Perwakilan- Perwakilan Malaysia di mana perlu.

3. Tindakan-tindakan yang telah diambil oleh Kementerian Luar Negeri untuk menyangkal sebarang tohmahan negatif oleh media asing adalah:

- i) Mengeluarkan '*pointers*' *dengan izin* mengenai fakta-fakta kes yang dibangkitkan untuk dijadikan garis panduan oleh Perwakilan-perwakilan Malaysia di luar negeri untuk memperjelaskan perkara sebenar dan juga menegaskan pendirian Kerajaan mengenai perkara berkenaan.
- ii) Membantu Perwakilan-perwakilan Malaysia di luar negeri untuk menyediakan '*rebuttal*' ***dengan izin***, bagi

menjawab isu-isu negatif mengenai Malaysia yang sengaja dibesar-besarkan oleh pihak media asing.

iii) Mengeluarkan kenyataan-kenyataan akhbar atau ***dengan izin, press statements*** mengenai sesuatu isu yang melibatkan Malaysia dan para pemimpinnya bagi menyangkal dan menepis segala tanggapan yang salah mengenainya; dan

iv) Ketua-ketua Perwakilan juga diminta membuat pembetulan fakta mengenai Malaysia secara terus melalui wawancara dan program TV/Radio yang bersesuaian. Sesi taklirat juga diadakan di kedutaan untuk kumpulan sasaran.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Ingin saya tegaskan bahawa Kementerian Luar Negeri sentiasa mengambil tindakan segera untuk memberi penjelasan dan jika perlu, mengambil tindakan menangkis sebarang laporan media asing atau mana-mana pihak yang mempunyai persepsi yang salah terhadap Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN

LISAN DR. LEE BOON

DARIPADA :

**CHYE
[GOPENG]**

**TARIKH
SOALAN**

30 MAC 2010

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan kenapa pesakit-pesakit yang menerima rawatan di kemudahan Kementerian Kesihatan sering diarahkan untuk membeli ubat di farmasi swasta dan bukan dibekalkan sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua,

Ubat-ubat yang dibekalkan oleh Kementerian Kesihatan adalah tertakluk kepada Formulari Ubat KKM dan garis panduan kegunaan ubat di luar dari Formulari Ubat KKM.

Formulari Ubat KKM merupakan rujukan diperingkat KKM mengenai semua ubat yang boleh digunakan di KKM. Ia dikemaskini 3 kali setahun dan ketika ini terdapat sebanyak 1475 ubat yang tersenarai didalamnya.

Pegawai perubatan di hospital/klinik di bawah Kementerian Kesihatan akan mempreskrib ubat-ubatan yang terdapat dalam formulari Ubat KKM, mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Keadaan dimana pesakit diarahkan untuk membeli ubat di farmasi swasta adalah merupakan kes yang terpencil. Ini berlaku mungkin kerana ubat tersebut tidak tersenarai dalam formulari ubat KKM atau pesakit memerlukan ubat alternatif yang tidak disimpan di fasiliti berkenaan.

SOALAN NO : 19

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI
KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN LISAN
DARIPADA : DATUK MD. SIRAT BIN ABU
 [BUKIT KATIL]
TARIKH 30 MAC 2010
SOALAN

Datuk Md. Sirat bin Abu (Bukit Katil) minta MENTERI KESIHATAN menyatakan

- (a) seperti kes pembunuhan sebuah keluarga di Gemenceh yang ngeri, apakah tindakan Kerajaan terhadap mereka yang disyaki mengidap sakit mental yang bebas berada dalam masyarakat yang boleh membahayakan keselamatan awam; dan
 - (b) berikan statistik kes-kes yang serupa untuk sepuluh tahun kebelakangan
- Tuan Yang di-Pertua,

Kes yang berlaku di Gemenceh merupakan salah satu kes terpencil dan tidak boleh dibuat andaian atau kesimpulan bahawa hanya mereka yang mengidap sakit mental terlibat dalam kes-kes sedemikian. Bagi mereka yang disyaki mengidap sakit mental, adalah menjadi tanggungjawab keluarga mereka untuk membawa ahli keluarga tersebut untuk mendapatkan pemeriksaan dan rawatan yang lebih lanjut sama ada di hospital atau klinik. Walaubagaimanapun, terdapat juga golongan pesakit mental yang tidak berkeluarga atau tidak dijaga oleh ahli keluarga mereka dan atas sebab itu boleh dijumpai merayau-rayau bebas berkeliaran di jalanan. Golongan ini juga berisiko mendapat 'relapse'

akibat tidak mendapat rawatan lanjutan. Individu-individu ini biasanya akan diselamatkan melalui operasi yang dijalankan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri dan Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah di mana mereka akan ditempatkan di premis Jabatan Kebajikan Masyarakat. Sekiranya mereka disyaki atau dikenalpasti mengalami masalah kesihatan mental atau penyakit mental, mereka akan dirujuk kepada doktor untuk rawatan lanjut.

Kementerian Kesihatan turut menyediakan perkhidmatan psikiatri dan kesihatan mental di mana pesakit-pesakit mental akut menerima rawatan sebagai pesakit dalam (*in-patient*) di 4 institusi dan 35 hospital-hospital kerajaan di seluruh Malaysia. Apabila tamat rawatan di hospital, pesakit-pesakit yang stabil ini akan terus menerima rawatan di peringkat komuniti sebagai pesakit luar di klinik pakar psikiatri hospital kerajaan atau di klinik-klinik kesihatan yang berdekatan dengan rumah mereka. Untuk pesakit-pesakit yang "*default*" atau tercicir (tidak hadir ke klinik), pengesanan (*defaulter tracing*) dibuat melalui telefon dan lawatan ke rumah dilakukan oleh anggota-anggota kesihatan. Terdapat 671 (82.9%) klinik kesihatan yang memberikan Perkhidmatan Rawatan Susulan bagi pesakit mental dan 26 klinik kesihatan menjalankan Perkhidmatan Pemulihan Psikososial bagi meningkatkan kefungsiian psikososial pesakit mental. Dengan menjalani rawatan susulan dan pemulihan psikososial, pesakit-pesakit mental akan boleh berintergrasi dan hidup berdikari dalam masyarakat serta boleh menjalani kehidupan yang normal seperti individu-individu lain

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan tidak mengumpulkan statistik kes-kes serupa seperti kejadian di Gemenceh. Walaubagaimanapun, Kementerian Kesihatan mempunyai data tentang pesakit-pesakit mental yang "*default*" atau tercicir dari menjalani rawatan susulan di klinik-klinik kesihatan di peringkat kesihatan primer. Sehingga Disember 2009, seramai 3808 (18.4%) pesakit dari jumlah

keseluruhan pesakit yang menerima rawatan susulan gagal kembali semula ke klinik untuk meneruskan rawatan. Bagi pesakit-pesakit sedemikian, disebabkan mereka tidak mendapat rawatan yang sewajarnya dari segi ubat-ubatan, jagaan serta pemulihan, ada kemungkinan pesakit-pesakit ini boleh "relapse". Dalam keadaan ini, pesakit boleh berasa terganggu dan berkemungkinan bertindak secara agresif. Justeru itu, Kementerian Kesihatan ingin menegaskan bahawa adalah amat penting bagi ahli keluarga dan komuniti memainkan peranan mereka di dalam memastikan pesakit mendapatkan rawatan perubatan dan penjagaan yang berterusan supaya penyakit mental yang dihadapi tidak "relapse" atau berulang kembali. Komuniti juga perlu memainkan peranan dengan cara tidak menyisihkan pesakit-pesakit ini supaya stigma terhadap pesakit mental akan dapat dikurangkan.

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN

LISAN

TARIKH

30 MAC 2010 (SELASA)

DARIPADA

**Y.B. TUAN HAJI AHMAD
BIN KASIM (KUALA KEDAH)**

SOALAN

Y.B. TUAN HAJI AHMAD BIN KASIM (KUALA KEDAH) minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan penjelasan apakah dasar Kerajaan dalam mencari penyelesaian bagi tempoh pajakan projek perumahan yang kurang dari 99 tahun. (contohnya; sesuatu projek perumahan yang masih berbaki sekitar 15 tahun sebelum tamat tempohnya).

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) tidak meletakkan dasar bagi mengawalselia tempoh pajakan projek perumahan. Sebaliknya, isu berkaitan

SOALAN(20)

penyelesaian bagi tempoh pajakan tersebut adalah ditetapkan oleh pihak Kerajaan Negeri.

Kementerian
Perumahan dan
Kerajaan Tempatan

Mac 2010

Soalan No: 21

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

| | |
|-------------------|--|
| PERTANYAAN | LISAN |
| DARIPADA | Y.B. DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD. MUTTALIB (MARAN) |
| TARIKH | 30.03.2010 |

SOALAN:

Y.B. DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD. MUTTALIB [MARAN] minta Menteri Pelajaran menyatakan berapakah bilangan Sekolah Jenis Kebangsaan, Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) yang dianggap Sekolah Kurang Murid (SKM) dan apakah langkah Kerajaan dalam mengatasi masalah ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Sekolah Kurang Murid (SKM) ialah sekolah yang mempunyai bilangan murid kurang dari 150 orang. Bilangan SJKC yang bertaraf SKM adalah sebanyak 519 dan SJKT sebanyak 332. Kebanyakan SKM bagi SJKC dan SJKT ini merupakan sekolah bantuan kerajaan.

Salah satu faktor sesebuah sekolah itu menjadi SKM ialah penghijrahan penduduk dari satu kawasan ke kawasan yang lain. Contohnya bagi SJKT yang kebanyakannya terletak di kawasan peladangan; apabila pekerja di kawasan tersebut bersara atau berhijrah ke kawasan lain, enrolmen di sekolah berkenaan akan turun secara perlahan-lahan atau drastik. KPM tidak melihat SKM sebagai satu masalah memandangkan sekolah-sekolah ini tidak dipinggirkan dan masih mendapat peruntukan yang sewajarnya malahan, kebanyakan SKM mempunyai bilangan guru yang mencukupi.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT. MALAYSIA

| | |
|--------------------------------|---|
| PERTANYAAN DARIPADA | LISAN Y.B. TUAN FONG KUI LUN |
| KAWASAN | BUKIT BINTANG |
| TARIKH NO. SOALAN | 30.3.2010 (Selasa) 22 |

Y.B. TUAN FONG KUI LUN minta MENTERI PERDAGANGAN ANT ARAB AN GS A DAN INDUSTRI menyatakan pelaburan asing yang masuk dan meninggalkan Malaysia bagi tempoh 2008 dan 2009 sejak Parlimen tidak lagi dikuasai dua pertiga suara majoriti Barisan Nasional dengan pecahan setiap negeri dan jelaskan usaha yang dibuat untuk menarik pelaburan baru.

Jawapan:

Tuan Yang diPertua,

Menurut perangkaan Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA), sepanjang tempoh 2008 hingga 2009, pelaburan langsung asing (FDI) yang diluluskan dalam sektor perkilangan bagi lima negeri utama adalah tertumpu di negeri Sarawak dengan jumlah FDI yang dicatatkan bernilai RM18.9 bilion dan diikuti dengan negeri Selangor dengan jumlah FDI yang diluluskan bernilai RM13.02 bilion. Manakala negeri yang ketiga, keempat dan kelima tertinggi menerima FDI adalah negeri Johor, Pulau Pinang dan Sabah dengan jumlah pelaburan yang diluluskan bernilai RM12.0 bilion, RM6.5 bilion dan RM5.6 bilion masing-masing.

Tuan Yang diPertua,

Jumlah keseluruhan penarikan keluar FDI di sektor perkilangan berasaskan penutupan kilang oleh pelabur asing bagi tempoh 2008 hingga 2009 bernilai RM2.8 bilion atau 4.1 peratus berbanding dengan jumlah FDI yang diluluskan dalam tempoh yang sama itu sebanyak RM68.2 bilion. Lima negeri yang mengalami penarikan FDI teratas bagi tempoh tersebut adalah :

- Melaka sebanyak RM1.0 bilion;
- Johor sebanyak RM0.9 bilion;
- Negeri Sembilan sebanyak RM0.5 bilion;
- Pulau Pinang sebanyak RM0.2 bilion; dan
- Pahang sebanyak RM0.1 bilion.

Tuan Yang diPertua,

Kerajaan sentiasa menggalakkan kemasukan pelaburan di Malaysia dan antara usaha baru dan berterusan yang dilaksanakan adalah :

- meliberalisasikan 27 subsektor di bawah sektor perkhidmatan mulai April 2009;
- melonggarkan Garis Panduan Jawatankuasa Pelaburan Asing (FIC) pada 30 Jun 2009 untuk memperkukuhkan persekitaran perniagaan dan kawal selia bagi menarik lebih banyak pelaburan ke Malaysia;
- memperkenalkan pendekatan berfokus ataupun 'targeted approach', dengan izin, dalam menggalakkan kemasukan FDI serta memacu pertumbuhan ekonomi negara
- menganjurkan promosi perdagangan di Malaysia iaitu Pameran Perdagangan Antarabangsa (INTRADE) dan Malaysia International Halal Showcase (MIHAS);

- menganjurkan beberapa persidangan antarabangsa pada tahun 2009 seperti World Chambers Congress 2009 dan Forbes Global CEO Conference 2009 yang telah memberi pendedahan kepada syarikat MNCs asing yang menghadiri persidangan tentang iklim pelaburan di Malaysia di samping memperkenalkan Malaysia sebagai destinasi utama untuk menjalankan perniagaan di rantau ini; dan
- menarik perhatian CEO asing dan industrialis terkemuka untuk melawat Malaysia bagi menghadiri acara antarabangsa dan membiasakan mereka dengan persekitaran dan potensi pelaburan yang terdapat di Malaysia. MITI telah menjemput seramai 20 CEO berpotensi dari India, China dan Asia Barat untuk menghadiri penganjuran Formula One Grand Prix 2009 yang akan berlangsung dari 2 hingga 4 April 2010 di mana beberapa program berkaitan pelaburan dan pelancongan telah digariskan semasa lawatan CEO tersebut ke Malaysia kelak.

Soalan No : 23

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

| | |
|------------|--|
| PERTANYAAN | LISAN |
| DARIPADA | Y.B. TAN SRI DATO' SERI ONG KA TING (KULAI) |
| TARIKH | 30.03.2010 |

SOALAN:

Y.B. TAN SRI DATO' SERI ONG KA TING [KULAI] minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kementerian mempunyai "political will" dan anjakan paradigma untuk meluluskan tanah-tanah rizab sekolah untuk tujuan pembinaan SJKC baru atau berpindah dari sekolah kurang enrolmen di kawasan yang amat memerlukan pembinaan SJKC.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa berusaha menyediakan kemudahan pendidikan yang sempurna dan mencukupi mengikut keperluan dan keutamaan sesuatu kawasan. KPM juga sentiasa memastikan kemudahan pendidikan yang disediakan adalah untuk semua kaum atau golongan masyarakat. Dalam proses menyediakan pembinaan sekolah rendah dan menengah, beberapa syarat-syarat yang telah digariskan oleh kerajaan perlu dipatuhi. Di samping itu keperluan kumpulan umur bersekolah sesuatu penempatan, pembinaan mengikut keutamaan dan kemampuan kewangan negara juga diambil kira. Untuk memastikan permohonan dapat diproses dengan lancar seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat berkaitan dengan SJKC, pihak KPM sentiasa bekerjasama dengan Lembaga Pengelola Sekolah (LPS) bagi memenuhi syarat-syarat dan prosedur yang ditetapkan berhubung dengan pembinaan sekolah baru dan perpindahan sekolah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM telah menetapkan mana-mana sekolah bantuan kerajaan yang ingin memohon perpindahan adalah menjadi tanggung jawab LPS untuk mencari tapak mereka sendiri. Pada dasarnya KPM telah mengenal pasti tapak-tapak baru untuk rezab pendidikan. Rezab pendidikan ini bertujuan untuk membina Sekolah Kebangsaan yang berfungsi sebagai sekolah untuk semua kaum. Jika tapak rezab pendidikan ini diberikan kepada sekolah satu-satu kaum sahaja, ia akan menguntungkan satu-satu kaum sahaja dan hasrat kerajaan untuk menyatukan rakyat melalui pendidikan tidak akan tercapai.

SULIT

NO SOALAN : 24

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA Y.B TUAN CHUA TIAN CHANG
(BATU)

TARIKH 30.03.2010
(SELASA)

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan

- (a) apakah kandungan perjanjian sulit yang ditandatangani oleh Tun Dr. Mahathir, Bekas Perdana Menteri dengan Amerika Syarikat yang didakwa oleh Barry Wain dalam bukunya; dan
- (b) adakah syarat-syarat perjanjian tersebut boleh menjejaskan keselamatan atau kedaulatan negara kita.

SULIT 1

SULIT

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, hubungan rasmi Kerjasama Pertahanan Dua Hala Malaysia-Amerika Syarikat dimeterai di bawah *Terms of Reference Malaysia-US Bilateral Training Assistance and Consultative Group* ataupun *BITACG* pada tahun 1984. Ianya ditandatangani oleh mantan Perdana Menteri Tun Mahathir Mohamed selaku Perdana Menteri merangkap Menteri Pertahanan ketika itu, bersama Setiausaha Pertahanan Amerika Syarikat. Perjanjian BITACG merupakan dokumen rasmi antara kedua-dua kerajaan yang mempunyai terma-terma rujukan bagi menguruskan kerjasama pertahanan.

Namun demikian, sebagaimana lazimnya dokumen perjanjian tersebut diklasifikasikan sebagai dokumen berperingkat. Atas sebab itu kandungan perjanjian itu tidak boleh dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini. Sepertimana perjanjian-perjanjian pertahanan dua hala yang lain, dokumen ini bertujuan untuk memudahkan proses pentadbiran urusan kerjasama. Ia tidak menjejaskan keselamatan dan kedaulatan negara malah menyumbang ke aras pemantapan keupayaan Angkatan Tentera Malaysia di samping meningkatkan diplomasi pertahanan.

**PEMBERITAHU
PERTANYAAN DEWAN**
SJ.B/(63)
DARIPADA RAKYAT, MALAYSIA
PERTANYAAN TUAN ER TECK HWA (BAKRI)
TARIKH LISAN
SOMAK) NO 30.03.2010
i4

Tuan Er Teck Hwa (Bakri) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan sebab-sebab kenderaan komersial dan persendirian yang usianya lebih 20 tahun susah mendapatkan premium insurans pihak ke-3 (3rd Party). Ada antaranya terpaksa membeli premium insurans pihak pertama ataupun ditambah dengan premium persendirian (P.A).

DARIPADA TUAN KHAIRY JAMALUDDIN (REMBAU)
PERTANYAAN LISAN
TARIKH 30.03.2010
SCALAKI Kic 25

Tuan Khairy Jamaluddin (Rembau) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan pandangan dengan cadangan bagi memperkenalkan skim insurans motor pihak ketiga yang mempunyai had tanggungan nilai tertentu, seperti di Thailand untuk segmen pengguna kenderaan lama.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Saya memohon untuk menjawab soalan dari Yang Berhormat Bakri bersama-sama soalan dari Yang Berhormat Rembau kerana kedua-duanya menyentuh perkara dan isu yang sama.

Untuk makluman Yang Berhormat, banyak syarikat penanggung insurans secara individunya tidak mampu menawarkan perlindungan insurans motor, terutamanya polisi insurans motor pihak ketiga. Ini adalah berdasarkan pengalaman tuntutan yang tidak memuaskan akibat peningkatan kemalangan jalanraya dan kos perniagaan yang semakin meningkat berbanding kadar premium yang masih berdasarkan Tarif Motor yang tidak pernah berubah semenjak tahun 1978. Sebagai contohnya, pada tahun 2008, bagi setiap ringgit premium yang diterima oleh penanggung insurans, sebanyak RM2.70 telah dibayar sebagai tuntutan.

2. Walau bagaimanapun, disebalik kepincangan harga ini yang memudaratkan kedudukan kewangan penanggung-penanggung insurans am, Bank Negara Malaysia tidak membenarkan penanggung insurans memaksa pemilik kenderaan untuk membeli perlindungan insurans tambahan sebagai syarat untuk memperoleh perlindungan insurans motor. Pemilik kenderaan yang tidak dapat memperoleh perlindungan insurans yang diinginkan daripada mana-mana penanggung insurans dinasihatkan supaya

mendapatkan perlindungan polisi

insurans motor Pihak Ketiga daripada Malaysian Motor Insurance Pool (MMIP), iaitu suatu pakatan yang ahlinya terdiri daripada penanggung insurans am berlesen.

3. MMIP merupakan penanggung insurans terakhir dan wajib menawarkan perlindungan insurans motor kepada pemilik kenderaan yang tidak boleh mendapatkan perlindungan dari pasaran. Perlindungan insurans motor yang dikeluarkan oleh MMIP boleh didapati dari mana-mana cawangan atau agen-agen MMIP iaitu Multi- Purpose Insurans Berhad, UnLAsia General Insurance Berhad dan Pos Malaysia Berhad.

NO. SOALAN: D.(?

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA PARLIMEN
KEDUA BELAS (2010)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA Y.B. TUAN AZAN BIN ISMAIL
[INDERA MAHKOTA]**

TARIKH 30 MAC 2010

SOALAN :

TUAN AZAN BIN ISMAIL [INDERA MAHKOTA] minta PERDANA MENTERI menyatakan bagaimanakah kedudukan undang-undang Syariah di negara kita dan bagaimanakah langkah serta cadangan untuk mempertingkatkan kedudukannya di masa akan datang.

JAWAPAN : (Y.B. MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM(B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah dan sentiasa mengambil langkah-langkah yang positif dalam memartabatkan kedudukan undang-undang Syariah dalam negara ini. Ini adalah kerana Islam diberi kedudukan yang istimewa berbanding dengan agama lain dan merupakan agama bagi Persekutuan sebagaimana yang termaktub dalam Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan.

Kerajaan juga sentiasa berusaha dari semasa ke semasa untuk mempertingkatkan dan memperkukuhkan kedudukan undang-undang Islam di Malaysia. Salah satu langkah yang diambil adalah melalui usaha penyelarasan dan penyeragaman undang-undang Islam di Malaysia. Dalam Mesyuarat Majlis Raja-Raja kali ke-188 yang telah diadakan pada 22 Mac 2001, Majlis Raja-Raja telah memperkenankan lima model Rang Undang-Undang Seragam untuk diterimapakai oleh negeri-negeri di seluruh Malaysia. Undang-undang tersebut adalah seperti yang berikut:

- (i) Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam;**
- (ii) Undang-Undang Keluarga Islam;**
- (iii) Undang-Undang Tatacara Mai Mahkamah Syariah;**
- (iv) Undang-Undang Keterangan Mahkamah Syariah; dan**
- (v) Undang-Undang Tatacara Jenayah Syariah.**

Kerajaan juga sentiasa berusaha untuk membuat penambahbaikan kepada undang-undang sedia ada bagi memantapkan dan memperkemaskan lagi sistem perundangan Islam di Malaysia.

Di samping itu, Kerajaan, melalui Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Islam (MKI) telah menubuhkan Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang Syarak dan Sivil bagi memperkasakan lagi undang-undang Syariah di negara ini yang mempunyai fungsi-fungsi seperti berikut:

- (i) mengkaji, menyemak dan menggubal undang-undang Islam yang seragam untuk pemakaian seluruh negara;**

- (ii) mengkaji dan menyemak undang-undang sedia ada ke arah mengharmonisasikan undang-undang Syarak dan sivil; dan**
- (iii) memberi pandangan pakar kepada Kerajaan ke arah penyelarasan dan penyeragaman undang-undang Islam.**

Sekian, terima kasih.

NO.AUM : 48

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

| | |
|------------|---|
| PERTANYAAN | LISAN |
| DARIPADA | DATO' DR. MOHAMAD SHAHRUM BIN OSMAN [LIPIS] |
| TARIKH | 30 MAC 2010 |
| RUJUKAN | 2411 |

SOALAN:

Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah pihak Kerajaan bercadang untuk menahan mana-mana individu yang terang-terangan menyifatkan beberapa istilah berkaitan Islam sebagai lapok hingga boleh mencetuskan huru hara dalam negara kita di bawah Akta ISA.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada ahli Yang Berhormat Lipis yang telah mengemukakan soalan.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan berpandangan ISA adalah undang-undang pencegahan yang diperlukan dalam konteks negara Malaysia yang mempunyai masyarakat yang majmuk dimana ianya terdiri daripada berbilang bangsa, agama dan budaya. Sebarang isu-isu sensitif yang timbul hasil daripada perbezaan fahaman, agama dan budaya yang diamalkan oleh rakyat di negara ini perlulah dipantau dan tindakan segera perlulah diambil bagi mengelakkannya menjadi satu isu besar yang menggugat keharmonian rakyat dan keamanan negara.

Dari sudut tindakan mahkamah pula, pihak kerajaan akan menggunakan Akta Hasutan 1948 ke atas mana-mana individu atau kumpulan yang mana tindakan atau kenyataan mereka ada menyentuh sensitiviti kaum lain. Ini bagi menjamin keselamatan dan keharmonian masyarakat berbilang kaum yang tinggal di negara ini. Pihak kerajaan akan bertindak tegas terhadap apa jua bentuk tindakan yang menyalahi undang-undang negara ini di dalam memastikan ketenteraman awam dan keselamatan negara kekal terpelihara pada setiap masa.

NO.AUM : 51

NO. AUP :

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA TUAN JEFF OOI CHUAN AUN [JELUTONG]
TARIKH 30 MAC 2010
RUJUKAN 2412

SOALAN:

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan hasil siasatan polis ke atas bekas Pegawai Khas Perdana Menteri, Nasir Safar menerusi Akta Hasutan (Sedition Act). Apakah kata-kata Nasir Safar dalam seminar 1 Malaysia yang dipertikaikan itu satu modus operandi sebenar bagi melaksanakan Gagasan 1 Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Jelutong yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, pihak polis telahpun selesai menjalankan siasatan ke atas kes ini dan kertas siasatan telahpun dikemukakan kepada Timbalan Pendakwaraya Melaka untuk tindakan selanjutnya.

SOALAN NO.: 29

DEWAN RAKYAT MALAYSIA PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA : DATUK RICHARD RIOT ANAK JAEM

[SERIAN]

TARIKH : 30 MAC 2010

SOALAN

Datuk Richard Riot anak Jaem [Serian] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan menyedari bahawa satu langkah yang positif yang perlu diambil oleh Kerajaan untuk membantu menaik taraf sosio-ekonomi rakyat Bumiputera Sarawak ialah dengan membangunkan tanah-tanah Hak Adat Bumiputera,

apakah rancangan Kerajaan menerusi NKRA dalam perkara ini.

JAWAPAN :

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan memang memberi perhatian terhadap semua rakyat di negara ini tanpa mengira kaum, kawasan bandar mahu pun luar bandar. Inilah yang dikatakan konsep 1 Malaysia: rakyat didahulukan, pencapaian diutamakan. Menyentuh mengenai pembangunan Tanah Hak Adat Bumiputera (HAB) di Sarawak, berdasarkan kepada maklumat daripada Jabatan Tanah dan Survei Sarawak, kebanyakan tanah HAB yang dimiliki oleh penduduk di luar bandar masih terbiar dan tidak dibangunkan sepenuhnya. Justeru, pembangunan tanah tersebut secara komersil dan berskala besar merupakan cara yang dianggap paling praktikal untuk para pemilik tanah HAB menyertai arus perdana pembangunan.

Kementerian saya telah dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri Sarawak telah dan sedang giat melaksanakan beberapa projek pembangunan tanah HAB secara besar-besaran di seluruh negeri Sarawak untuk tujuan perladangan komersil. Setakat ini, sebanyak 60 buah projek seperti ini dengan keluasan 432,273.24 hektar (ha) sedang dalam pelbagai peringkat pelaksanaan.

Di samping usaha Kerajaan Negeri Sarawak memantapkan lagi keberkesanan pelbagai model pembangunan yang akan dicadangkan untuk digunapakai dalam menjayakan projek ini, sumbangan Kerajaan Persekutuan ke atas penyediaan prasarana asas projek ini akan membantu meringankan beban kewangan pihak pelaksana projek. Selaras dengan NKRA bagi penyediaan prasarana di luar bandar, Kerajaan Pusat akan menyegerakan program pembinaan jalanraya di luar bandar terutamanya yang menghubungkan kawasan-kawasan yang dibangunkan dengan projek pembangunan tanah HAB. Dengan adanya kemudahan jalanraya disediakan, maka lebih banyak tanah HAB dapat dibangunkan untuk meningkatkan tahap sosio-ekonomi penduduk luar bandar.

Sekian, terima kasih.

NO. AUM : 12

NO. AUP : *b0

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA

DATO' SERI ABDUL HADI B. AWANG
[MARANG]

TARIKH

30 MAC 2010

RUJUKAN

2587

SOALAN:

Dato' Seri Abdul Hadi B. Awang [Marang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah kemalangan maut bagi kenderaan awam dan usaha-usaha Kerajaan mengatasi kemalangan maut tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Marang yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, jumlah kemalangan maut yang melibatkan kenderaan awam di negara kita adalah masih rendah. Bagi tempoh tiga (3) tahun yang lalu iaitu dari tahun 2007 hingga 2009, sebanyak 721 kes kemalangan maut yang melibatkan kenderaan awam telah di rekodkan berbanding jumlah keseluruhan kemalangan maut pada tempoh yang sama iaitu 17,864 ataupun 4.03 % sahaja.

Tuan Yang Dipertua,

Walaupun kes kemalangan yang melibatkan kenderaan awam adalah rendah, kerajaan memandang serius mengenai perkara ini dan telah mengambil beberapa langkah berikut untuk mengurangkan kes kemalangan sebegini;-

- i. Mengadakan jalinan kerjasama antara semua agensi kerajaan seperti Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Pengangkutan, PDRM, Jabatan Pengangkutan Jalan, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Keselamatan Jalan Raya, Lembaga Lebuhraya Malaysia dan Institut Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS);

Mengadakan kempen kesedaran dan khidmat nasihat kepada pengguna-pengguna jalan raya tentang kepentingan pemanduan berhemah;

Mewujudkan prasarana yang selesa di jalan-jalan raya;

Menjalankan penyelidikan bagi menaikkan tahap keselamatan jalan-jalan raya; dan

Mengambil tindakan undang-undang dengan lebih tegas ke atas pesalah-pesalah trafik.

NO. SOALAN : 31

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

DATO' ISMAIL BIN KASIM

(ARAU)

TARIKH

30 MAC 2010

SOALAN

Dato' Ismail Bin Kasim (Arau) minta PERDANA MENTERI menyatakan

a) Berapakah jumlah projek-projek pembangunan yang terbengkalai dalam RMK-9; dan

b) Apakah tindakan segera bagi menangani masalah tersebut.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan mentakrifkan projek terbengkalai sebagai projek yang tidak mempunyai sebarang aktiviti di tapak bina selama 3 bulan atau 90 hari.

Pada masa ini, terdapat 28 projek bernilai RM955 juta telah dikenal pasti sebagai projek terbengkalai. Faktor utama yang menyumbang kepada kegagalan projek ini dilaksanakan adalah berpunca daripada kelemahan pengurusan kontraktor. Dalam tahun 2009, sejumlah 95 kontrak telah dimansuh dan kontraktor penyelamat telah dilantik bagi menyiapkan projek terbengkalai berkenaan. Sebagai usaha responsif dalam menangani masalah pelaksanaan projek, Kementerian/Jabatan telah menubuhkan Jawatankuasa Penyelamat Projek Sakit untuk merawat dan memulihkan projek yang bermasalah termasuk projek terbengkalai.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Y.A.B Perdana Menteri dan Kerajaan sentiasa memandang serius pelaksanaan projek-projek pembangunan. Bagi memastikan tiada projek-projek Kerajaan yang terbengkalai, Anggota Pentadbiran dan Ketua-Ketua Setiausaha telah diarah untuk turun ke padang bagi membantu menyelesaikan projek bermasalah.

SJ.B/(64)/(82)

**PEMBERITAHU
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA **TUAN MOHD. ABDUL WAHID BIN ENDUT (KUALA
TERENGGANU)**

PERTANYAAN **LISAN**

TARIKH **30.03.2010 & 01.04.2010**

SOAUN fae **32**

Tuan Mohd Wahid bin Endut (Kuala Terengganu) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah perbelanjaan di bawah peruntukan Dana Khas dari wang royalti petroleum Terengganu yang telah dibeianjakan oleh kementerian-kementerian, agensi-agensi Kerajaan Persekutuan, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dari tahun 2000 hingga Mac 2010. Bilakah jumlah kewangan tersebut akan dibayar balik kepada Kerajaan Negeri Terengganu.

Dan

Tuan Mohd Wahid bin Endut (Kuala Terengganu) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah royalti petroleum yang sepatutnya dibayar oleh **PETRONAS** kepada Kerajaan Negeri Terengganu dari tahun 2004 hingga 2008 (semasa Dato' Idris Jusoh menjadi Menteri Besar) dan dari tahun 2008 hingga Mac 2010 (semasa Dato' Ahmad Said) dan berapakah jumlah sebenar yang telah dibayar oleh Kerajaan

dalam tempoh-tempoh masa tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mohon untuk menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Kuaia Terengganu bersekali dengan pertanyaan Ahli Yang Berhormat yang dijadualkan pada 01.04.2010 kerana ia menyentuh isu yang sama.

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, rundingan antara Kerajaan Negeri Terengganu, PETRONAS dan Kerajaan Persekutuan bagi penyerahan Dana Khas kepada Kerajaan Negeri Terengganu masih diteruskan. Apabila Perjanjian Penyelesaian (*Settlement Agreement*) dipersetujui dan ditandatangani, barulah Dana Khas ini dibayar terus kepada Kerajaan Negeri Terengganu. Bagi jumlah dana terdahulu yang masih disimpan oleh Kerajaan Persekutuan, ia akan dipulangkan kepada Kerajaan Negeri Terengganu setelah mengambil kira semua obligasi termasuk baki kos projek yang sedang dilaksanakan di Terengganu.

3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah Dana Khas yang dibayar oleh PETRONAS dari tahun 2000 hingga Mac 2010 adalah sebanyak RM17,706,666,572. Daripada jumlah tersebut, RM6,478,300,000 telah dibayar secara tunai kepada Kerajaan Negeri

Terengganu bagi membiayai keperluan Bajet Mengurus dan Pembangunan. Manakala sebanyak RM1,280,377,081 disalurkan kepada Kerajaan Negeri Terengganu bagi melaksanakan projek-projek pembangunan di luar peruntukan bajet negeri, Dari segi agihan mengikut tempoh, sebanyak RM5,805,977,081 diagihkan dalam tempoh dari 2004 hingga Mac 2008 dan RM1,952,700,000 diagihkan dalam tempoh dari April 2008 hingga 2010 kepada Kerajaan Negeri Terengganu secara tunai. Sebanyak RM7,721,177,064 pula disalurkan dalam bentuk projek/program yang dilaksanakan oleh kementerian dan agensi persekutuan termasuk Syarikat Perumahan Negara Berhad di Negeri Terengganu.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA : DATUK DR.MARCUS MOJIGOH

TARIKH 30 MAC 2010 (SELASA)

SOALAN

DATUK DR. MARCUS MOJIGOH minta PERDANA MENTERI menyatakan:

- (a) berapakah jumlah kes pelepasan sisa pepejal dan pemindahan *marine fuel* di perairan negara seperti yang berlaku di Tanjung Pengarang, Tanjung Piai dan Kota Tinggi; dan**
- (b) apakah tindakan yang telah diambil ke atas jenayah maritim ini.**

JAWAPAN Y.B. DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN

Tuan Yang di-Pertua,

(a) Semenjak Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melancarkan operasinya;

i. Statistik tangkapan kes pelepasan sisa pepejal oleh kapal dagang di perairan laut wilayah (*territorial sea*) negara adalah lima kes (5) pada tahun 2008, lima (5) kes pada tahun 2009 dan empat (4) kes bagi tahun 2010 sehingga 26 Mac 2010. Secara keseluruhan, kes-kes tersebut berlaku di perairan Tanjung Stapa, Tanjung Piai,

Tanjung Ayam dan perairan Pulau Lima selatan Johor yang melibatkan kapal-kapal dagang yang berdaftar dari negara China, Singapura, Panama, Indonesia, Dominica dan juga Malaysia. Daripada 14 kes tersebut, lima (5) kes telah dikompaun berjumlah RM 140,000.00 di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 Seksyen 34 (b) dan sembilan (9) kes lagi sedang di dalam proses pendakwaan oleh Jabatan Alam Sekitar Pengerang, Kota Tinggi.

ii. Statistik tangkapan kes **pemindahan bahan bakar** (*marine fuel*) oleh kapal-kapal tangki di perairan laut wilayah negara pula adalah empat (4) kes pada tahun 2008, 31 kes bagi tahun 2009 dan 25 kes bagi tahun ini sehingga 26 Mac 2010. Secara keseluruhannya, kes-kes tersebut berlaku di perairan Tanjung Kapal, Tanjung Stapa, Tanjung Piai, Tanjung Ayam, Tanjung Bulat dan Tanjung Penyusop di selatan Johor serta di perairan Pulau Angsa, Klang, perairan Miri, Sarawak dan perairan Pulau Pangkor, Perak yang melibatkan kapal-kapal tangki yang berdaftar dari negara Singapura, Liberia, Indonesia, Vietnam, Honduras, Jepun, Panama, Korea Utara, Thailand, China dan juga Malaysia. Semua kes-kes ini telah diserahkan kepada Jabatan Laut untuk disiasat dan pendakwaan di bawah Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 Seksyen 491b (1) dan Akta Dius (Caj/ Pungutan Bayaran Perkhidmatan untuk kapal-kapal dagang yang memasuki pelabuhan Malaysia) Api Persekutuan 1953.

(b) Untuk menjaga dan memelihara keselamatan, keamanan dan kedaulatan negara khususnya di perairan laut wilayah negara sentiasa terjamin, APMM telah dan terns melaksanakan pengawasan dan operasi penguatkuasaan maritim. Operasi ini melibatkan kehadiran kapal-kapal dan bot-bot APMM di perairan tersebut secara berterusan. Bagi meningkatkan pengawasan dan pemantauan, pesawat-pesawat udara APMM juga telah ditugaskan melaksanakan rondaan udara. Sistem Pengawasan Maritim (SWASLA) yang dilengkapi dengan sembilan (9) buah radar ditempatkan di pesisiran pantai barat Semenanjung Malaysia juga menjadi aset pemantauan dan pengawasan di perairan Selat Melaka hingga ke selatan Johor. Keupayaan SWASLA juga telah dinaik taraf dengan pemasangan kamera bagi mempertingkatkan

keberkesanan pengesanan sasaran yang mencurigakan di perairan tersebut bagi tindakan susulan oleh aset laut APMM.

Di samping itu juga, APMM telah memperagakan (menunjukkan) kehadiran dalam semua keadaan, siang dan malam, cuaca baik maupun cuaca buruk di sepanjang masa dan sentiasa bersedia untuk menangani apa juga tugas yang perlu dilaksanakan. Kerjasama dengan agensi penguatkuasa yang lain juga telah dipertingkatkan terutamanya dengan PDRM, TLDM dan TUDM dalam menangani isu jenayah maritim ini. Seterusnya, kerjasama maritim dengan negara jiran juga telah dilaksanakan untuk tujuan yang sama di antaranya dengan negara Indonesia, Singapura dan Thailand serta negara-negara serantau.

Sekian.terima kasih.

NO. SOALANI

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA PARLIMEN
KEDUA BELAS (2010)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA Y.B. TUAN ZULKIFLI BIN NOORDIN
[KULIM BANDAR BARU]**

TARIKH 30 MAC 2010

SOALAN :

TUAN ZULKIFLI BIN NOORDIN[KULIM BANDAR BARU] minta PERDANA MENTERI menyatakan

- (a) adakah Kerajaan bercadang membuat pengasingan dan pemisahan kuasa bagi bahagian kehakiman, pendakwaan, penguatkuasaan dan pentadbiran syariah dan tidak seperti sekarang semuanya duduk di bawah satu jabatan;**
- (b) adakah Kerajaan bercadang memberikan "jaminan perkhidmatan" (security of tenure) bagi hakim-hakim Mahkamah Tinggi Mahkamah Sivil yang dijamin perkhidmatan sehingga mencapai umur 65 tahun.**

JAWAPAN : (Y.B. MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM(B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pentadbiran Mahkamah Syariah telah diasingkan daripada Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri. Pentadbiran Mahkamah Syariah diketuai oleh Ketua Perundangan Syariah - LS), manakala Jabatan Agama Islam Negeri diketuai oleh Pengarah Jabatan Agama (Skim Perkhidmatan Sosial - S/Terbuka). Walaupun Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia(JKSM) baru berusia 10 tahun sejak ditubuhkan pada tahun 1999, usaha-usaha untuk memantapkan pentadbiran Mahkamah Syariah sentiasa berjalan dan berterusan.**

Walau bagaimana pun, Bahagian Pendakwaan dan Penguatkuasaan masih lagi di bawah pentadbiran Jabatan Agama Islam Negeri, tetapi telah diwujudkan dua bahagian yang berasingan. Bahagian Pendakwaan diketuai oleh Ketua PendakwaSyarie (Skim Penguatkuasaan) diketuai oleh Ketua Pegawai Penguatkuasa Agama (Skim S).

- (b) **Sukacita dimaklumkan bahawa Kerajaan melalui Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA) telah mengeluarkan Surat Pekeliling Perkhidmatan (SPP) Bilangan 1 Tahun 2010 yang memaklumkan keputusan Kerajaan mengenai had umur maksimum dan tempoh pelantikan secara kontrak sebagai Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie, Hakim Mahkamah Rayuan Syariah dan Ketua Hakim Syarie Negeri-negeri.**

Selaras dengan matlamat untuk menambahbaik sistem kehakiman Syariah dan seterusnya ke arah meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan, Kerajaan telah memutuskan supaya tempoh setiap pelantikan secara kontrak pesara yang mengisi jawatan Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie JKSM dan Hakim Mahkamah Rayuan Syariah JKSM serta Ketua Hakim Syarie Negeri-negeri adalah tidak melebihi lima (5) tahun sehingga pegawai mencapai had umur maksimum 66 tahun. SPP berkenaan berkuatkuasa mulai 8 Januari 2010.

Bagi hakim-hakim di Mahkamah Tinggi Syariah, Kerajaan akan memberi pertimbangan sekiranya keperluan tersebut wajar

diperluaskan kepada Hakim-hakim Mahkamah Tinggi Syariah atau yang setaraf dalam usaha untuk memastikan perkhidmatan perundangan Syariah turut diangkat setanding dengan Mahkamah Sivil.

Sekian, terima kasih

PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN LISAN

DARIPADA

**TUAN MOHD NIZAR BIN ZAKARIA (PARIT)
30 MAC 2010 (SELASA)**

SOALAN

**TUAN MOHD NIZAR BIN ZAKARIA minta
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
menyatakan:**

Apakah status perkembangan untuk dijadikan kawasan sawah Parlimen Parit diangkat sebagai Jelapang Padi sepertimana yang telah pun dipohon.

JAWAPAN

**Tuan Yang Dipertua,
Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,**

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sehingga kini tidak menerima sebarang permohonan untuk membangunkan kawasan Parlimen Parit sebagai jelapang padi.

Walau bagaimanapun, sawah sedia ada di kawasan Parlimen Parit adalah di bawah skim pengairan di luar jelapang padi yang terletak di Daerah Perak Tengah yang ditubuhkan di sekitar tahun 1950-an. Sehingga ke hari ini, keluasan kawasan padi yang diwartakan bagi rancangan pengairan ini adalah seluas 85.36 hektar dan kawasan tambahan seluas 107.74 hektar.

Jumlah panjang keseluruhan tali air dan parit yang telah dibina adalah masing-masing sebanyak 7,324 meter dan 16,179 meter.

Di Negeri Perak, terdapat dua kawasan jelapang padi iaitu Rancangan Pengairan

Kerian - Sg. Manik dan Rancangan Pengairan Pengairan Seberang Perak. Rancangan Pengairan Kerian - Sg Manik terdiri daripada dua komponen iaitu Rancangan Pengairan Kerian seluas 23,560 hektar dan Rancangan Pengairan Sg Manik yang meliputi kawasan seluas 6,429 hektar. Kepadatan tali air bagi Rancangan Pengairan Kerian - Sg. Manik masing-masing ialah 35.5 meter sehektar bagi infrastruktur parit dan 30.5 meter sehektar bagi infrastruktur tali air. Bagi Rancangan Pengairan Seberang Perak pula, luas kawasan yang terlibat ialah 8,709 hektar dan kepadatan kemudahan infrastruktur pengairan dan saluran ialah 37.5 meter sehektar.

PEMBER1TAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

| | |
|-------------------|---|
| PERTANYAAN | LISAN |
| DARIPADA | Y.B. DR. HAJI MOHD HAYATI BIN OTHMAN (PENDANG) |
| TARIKH | 30.03.2010 |

SOALAN:

Y.B. DR. HAJI MOHD HAYATI BIN OTHMAN [PENDANG] minta Menteri Pelajaran menyatakan berapakah harga tender makanan asrama pelajar sekolah rendah dan menengah per kapita untuk setiap tahun dan jumlah perbelanjaan sepanjang tahun 2008 dan 2009.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kos makanan asrama bagi seorang murid sama ada asrama di sekolah rendah dan menengah adalah berbeza-beza berdasarkan harga kontrak yang telah diputuskan oleh Lembaga Perolehan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Harga adalah berasaskan kajian harga pasaran bahan mentah semasa mengikut lokasi dan enrolmen murid yang terlibat di satu-satu sekolah. Pada masa ini, harga purata bagi seorang murid ialah antara RM13 hingga RM16 sehari.

Jumlah perbelanjaan bagi Bantuan Makanan Asrama (BMA) bagi tahun 2008 ialah sebanyak RM878 juta dan bagi tahun 2009 pula sebanyak RM1.1 bilion.

PEMBER1TAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA :

TUANAARON AGO ANAK DAGANG

(KANOWIT)

TARIKH

30 MAC 2010

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perbezaan dan persamaan di antara tiga senarai (three lists) nama-nama orang yang dikategorikan sebagai rakyat miskin (miskin tegar, miskin, mudah miskin), iaitu (i) senarai JKM (Jabatan Kebajikan Masyarakat), (ii) senarai Projek Cari dan (iii) senarai eKasih yang akan diguna pakai oleh Kerajaan untuk merancang strategi pembangunan dalam RMK-10 dan juga untuk menyalurkan pelbagai bantuan dan subsidi oleh Kementerian-kementerian atau agensi Kerajaan yang berkenaan.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Senarai eKasih dan senarai dari Jabatan Kebajikan Masyarakat berbeza dari sudut tumpuan kumpulan sasaran dan tahap perincian maklumat yang dikumpulkan. Senarai eKasih adalah berkaitan dengan maklumat keluarga miskin, miskin tegar dan mudah miskin mengikut pendapatan garis kemiskinan (PGK) sebagai kriteria pengukuran yang telah ditetapkan dan profail maklumat yang terdapat dalam eKasih ini merangkumi maklumat punca pendapatan keluarga, taraf pendidikan, tahap kesihatan, aset yang dimiliki, bantuan yang telah diterima dan yang diperlukan.

Sementara itu, senarai Jabatan Kebajikan Masyarakat pula adalah

menumpukan kepada kumpulan sasaran yang spesifik secara individu berkaitan kebajikan

seperti Kumpulan Orang Kurang Upaya, Warga Emas, Pesakit Kritikai, Bantuan Am dan Ibu Tunggal yang ramai tanggungan.

Senarai Projek Cari puia adalah inisiatif tambahan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk mengatasi masalah keciciran dalam senarai penerima bantuan kebajikan. Justeru perbezaan antara senarai eKasih dan Jabatan Kebajikan Masyarakat dapat disimpulkan seperti berikut:

| eKasih | Jabatan Kebajikan Masyarakat |
|--|--|
| Tumpuan kepada isu kemiskinan menggunakan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) isirumah bagi menentukan kategori miskin tegar, miskin dan mudah miskin. | Tumpuan kepada isu kebajikan yang mungkin memerlukan bantuan yang berterusan. |
| Profail maklumat melibatkan Ketua Isi Rumah dan Ahli Isi Rumah. | Profail maklumat melibatkan individu secara spesifik. |
| <i>Outreach</i> kumpulan sasaran dibuat secara bancian dan verifikasi dengan kaedah dan metodologi yang konsisten dan seragam. | <i>Outreach</i> kepada senarai dibuat secara permohonan kumpulan sasaran bagi mengelakkan keciciran. |
| Untuk rujukan semua kementerian dan agensi yang terlibat dalam program pembasmian kemiskinan. | Tidak boleh dirujuk oleh kementerian atau agensi lain. |

Walaupun terdapat perbezaan antara senarai eKasih dan Jabatan Kebajikan Masyarakat, Kerajaan sedar bahawa isu kebajikan dan kemiskinan adalah dua isu yang saling berkaitan. Justeru eKasih telah mengintegrasikan keseluruhan senarai Jabatan Kebajikan Masyarakat ke dalam senarainya. Ini bermakna senarai penerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat turut dimasukkan kedalam eKasih selaras

dengan hasrat Kerajaan untuk mewujudkan hanya satu bank data nasional yang berkaitan dengan isu kemiskinan.

Dalam perancangan RMKeIO, tumpuan akan menjurus kepada kumpulan miskin (yang dahulunya miskin tegar) dan akan beralih (*shift*) kepada berpendapatan rendah dengan program serta bantuan baru termasuk subsidi serta kaedah pelaksanaan yang lebih berkesan.

NO. SOALAN :3 ^

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA PARLIMEN
KEDUA BELAS (2010)**

| | |
|-------------------|--|
| PERTANYAAN | LISAN |
| TARIKH | 30 MAC 2010 [Selasa] |
| DARIPADA | Y.B. Dato' Haji Wan Abd Rahim bin Wan Abdullah [Kota Bharu] |

SOALAN:

Dato' Haji Wan Abd Rahim bin Wan Abdullah [Kota Bharu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa orang Ahli Lembaga Pengarah Tabung Haji yang telah menunaikan ibadat haji bagi tahun 2009 dan apakah keistimewaan-keistimewaan yang disediakan oleh Tabung Haji kepada mereka.

| | |
|----------------|--|
| JAWAPAN | (YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom (B)) |
|----------------|--|

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seramai tujuh (7) orang Ahli Lembaga Pengarah TH telah menunaikan ibadat haji bagi tahun 2009. Antara kemudahan yang diberikan kepada mereka adalah

1 ^ / s ■ < (■

1. Penerbangan haji pergi dan balik;
2. Kemudahan pengangkutan di Tanah Suci;
3. Penginapan di Makkah dan Madinah;
4. Perkhidmatan perubatan;
5. Sajian makanan harian; dan
6. Elaun penghargaan

Sekian, terima kasih.

SULIT

NO SOALAN :

39 PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Y.B DATO' HAJI TAJUDDIN
BIN ABDUL RAHMAN (PASIR
SALAK)

DARIPADA 30.03.2010
(SELASA)

TARIKH
LISAN

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi memastikan anggota tentera mempunyai semangat yang tinggi dan mempunyai peralatan yang moden dan terkini bagi menjamin keselamatan negara sentiasa terpelihara.

SULIT

SULIT

I

SULIT

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi memastikan anggota tentera kita mempunyai semangat yang tinggi serta mempunyai peralatan yang moden dan terkini dalam melaksanakan tanggungjawab mereka, Kerajaan telah mengambil pelbagai langkah yang padu untuk mencapai matlamat tersebut. Kementerian sedang dalam proses membangunkan keupayaan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) secara berterusan agar ia berupaya untuk beroperasi secara bersepadu dalam 4 domain utama peperangan iaitu daratan, maritim, ruang udara dan dunia maklumat. Rancangan pembangunan strategik yang dilaksanakan ini dikenali sebagai *Fourth Dimension of Malaysia Armed Forces* atau ringkasnya “4D MAF”.

Mulai tahun 2009, ATM telah mula berevolusi ke dalam Dimensi Keempatnya, iaitu era transformasi yang berfokus kepada keupayaan secara bersepadu (*fully integrated*) dan keupayaan pelbagai dimensi (*multi-dimensional*). Keadaan ini akan membolehkan ATM beroperasi secara bersama (*joint*) serta dapat membina sinergi yang efektif. Ciri-ciri utama yang dibina oleh ATM dalam era transformasi ini adalah kebersamaan (*jointness*), cegah rintang (*deterrence*) dan versatil (*versatility*). Rancangan pembangunan yang secara *capability-based* ini lengkap dengan ciri-ciri *network-centric* akan menjadikan ATM sebagai sebuah angkatan konvensional yang moden dan kredibel.

Tuan Yang di-Pertua,

Pembangunan strategik ATM ini tidaklah hanya tertumpu kepada kelengkapan perang yang canggih dan berteknologi tinggi sahaja, tetapi ianya juga turut melibatkan pembangunan modal insan secara komprehensif. Tumpuan pembangunan modal insan meliputi aspek pemikiran-bertindak, pengetahuan, kemahiran, kepimpinan, emosi dan spiritual di samping memupuk jati diri dan semangat daya juang yang tinggi di kalangan warga ATM. Program-program khas juga telah mula dilaksanakan bagi meningkatkan pengetahuan dan menitikberatkan kemahiran pelbagai atau *multi-skill* bagi melahirkan modal insan yang profesional, versatil dan berdaya saing. Seiring dengan itu, ATM juga sentiasa berusaha untuk menentukan agar warganya sentiasa berada dalam keadaan terlatih dan mahir dalam bidang masing-masing serta dapat menguruskan dan menggunakan peralatan yang canggih dan moden. ATM sentiasa melaksanakan pelbagai latihan dalam bentuk *Field Training Exercise (FTX)* dan *Command Post Exercise (CPX)* oleh ketiga-tiga perkhidmatan bagi membolehkan ATM menghadapi sebarang kemungkinan pada sebarang masa.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi mengekalkan semangat warga ATM agar sentiasa berada di tahap yang tinggi, Kementerian sentiasa prihatin dalam menjaga kebajikan warga ATM dan keluarga mereka. Di samping menyelenggara prasarana yang telah sedia ada, pembangunan perumahan moden dan pusat rawatan kesihatan yang bertaraf pakar bagi meningkatkan lagi kualiti hidup warga ATM telah diwujudkan.

SJ.B/(65)

**PEMBERITAHU
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA TUAN MOHAMED AZMIN BIN AU
(GOMBAK)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH 30.03.2010 SoAiAN Wo : 40

Tuan Mohamed Azmin bin All (Gombak) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan apakah perkembangan serta status semakan semula kontrak penyewaan jangka panjang (leasing) kereta- kereta salon Kerajaan dengan syarikat SPANCO Sdn Bhd dan berapakah kos yang ditanggung Kerajaan sejak kontrak ini dimeterai.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Perjanjian Konsesi telah termeterai pada 1 Januari 1994 diantara Kerajaan Persekutuan dan Syarikat SPANCO Sdn Bhd. Perjanjian Konsesi Tambahan pula telah dimeterai pada 18 Oktober 2004 dengan plndaan dan tambahan ke atas Perjanjian Konsesi sedla ada seperti berikut:

- i. Kerajaan mendapat rebat 20% ke atas sewaan bulanan;**

ii, SPANCO mengembalikan wang pendahuluan RM15 juta kepada Kerajaan; dan ill. SPANCO menyediakan kereta tunggu sedia sebanyak 50 buah bagi Proton Perdana V6.

2. Kos perbelanjaan sewaan dan senggaraan ~~kereta~~-kereta salon Kerajaan yang telah ditanggung oleh Kerajaan sejak dari tahun 1994 sehingga Januari 2010 ialah RM 1,698 juta.

**PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

**TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG
[SIBUTI]**

TARIKH

30 MAC 2010 (SELASA)

SOALAN

TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG minta
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI
ASAS TANI menyatakan

adakah pihak Kerajaan mempunyai rancangan untuk mewujudkan skim khas insurans pertanian dan ternakan bagi melindungi golongan petani dan penternak dari mengalami kerugian apabila berlaku kejadian yang tidak diingini seperti kebakaran atau banjir di sawah atau ladang, kerosakan benih yang mengakibatkan kerugian dalam pelaburan mereka dalam sektor ini. Adakah Kerajaan akan memberi insentif kepada agensi insurans yang mewujudkan skim insurans tersebut.

JAWAPAN

**Oleh Y.B. Menteri Pertanian dan
Industri Asas Tani**

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan sedang dalam proses mengkaji model yang sesuai bagi mewujudkan Skim Insurans Pertanian untuk melindungi petani, penternak, dan nelayan kecil dan sederhana yang mengalami kerugian akibat bencana alam.

Pada masa ini, Kerajaan memberikan dua bentuk bantuan kepada para petani dan penternak untuk mengurangkan beban apabila berlaku kerugian atau kerosakan akibat banjir iaitu, Bantuan Segera dan Wang Ehsan. Bantuan Segera adalah bantuan diberi untuk mengurangkan beban petani dan penternak seperti pemberian dalam bentuk baja, benih tanaman dan lain-lain yang difikirkan perlu. Bantuan Wang Ehsan pula dipohon melalui Majlis Keselamatan Negara di peringkat negeri masing-masing. Taksiran kerugian yang dihadapi oleh petani akan dijalankan oleh Jabatan di peringkat negeri dan nilai bantuan adalah mengikut kadar yang telah ditetapkan oleh pihak Majlis Keselamatan Negara.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

| | |
|--------------------------------|--|
| PERTANYAAN DARIPADA | JAWAB LISAN TUAN AMRAN BIN AB GHANI [TANAH MERAH] |
| TARIKH | 30 MAC 2010 (ISNIN) |

SOALAN

Tuan Amran bin Ab Ghani [Tanah Merah] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan kebebasan bersuara merupakan hak asasi manusia yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan. Apakah garis panduan yang menentukan “bloggers” atau media Internet perlu diambil tindakan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) sentiasa menyokong dan prihatin terhadap hak asasi rakyat Malaysia termasuklah kebebasan bersuara melalui Internet. Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588) menyokong matlamat ini.

Walau bagaimanapun, aktiviti-aktiviti yang dilakukan dalam Internet masih tertakluk kepada undang-undang negara sepertimana yang terpakai ke atas media komunikasi yang lain.

Kesemua jenis kandungan berangkai termasuk kandungan laman web di Internet adalah tertakluk kepada undang-undang negara seperti Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (AKM 1998), Seksyen 3 dan 4 Akta Hasutan 1948, Kanun Keseksaan, dan Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960.

Sehubungan dengan itu, tindakan perundangan akan diambil ke atas mana-mana pihak yang menyiarkan kandungan atau aktiviti negatif di Internet yang melanggar undang-undang, dan tindakan yang diambil tidak boleh ditafsirkan sebagai “penapisan” kerana ianya dilakukan untuk menguatkuasakan undang-undang negara.

PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

**PUAN TAN AH ENG (GELANG
PATAH)**

TARIKH

30 MAC 2010 (SELASA)

SOALAN

**PUAN TAN AH ENG (GELANG PATAH) minta
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
menyatakan:**

Adakah pihak Kementerian merancang menyambung semula Program SUBUR dan menyatakan jenis insentif kepada petani bagi menggalakkan lebih ramai penduduk menceburi bidang pertanian.

JAWAPAN

**Tuan Yang Dipertua,
Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,**

Pada mulanya Kerajaan telah memutuskan Program Subsidi Beras Untuk Rakyat (SUBUR) dilaksanakan mulai 1 Disember 2009. Bagaimanapun Kerajaan menangguhkan pelaksanaannya bagi membolehkan senarai nama golongan penerima subsidi beras iaitu golongan miskin tegar, miskin dan mudah miskin dalam sistem e-Kasih dikemas kini oleh Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan (ICU) Jabatan Perdana Menteri (JPM). Ini bertujuan memastikan tidak ada mana-mana individu yang layak akan tercicir daripada senarai nama penerima SUBUR.

Urusan mengemas kini senarai nama ini sedang giat dijalankan oleh Urus setia Majlis Pembangunan Pertanian Parlimen (MPPP) melibatkan semua 222 kawasan Parlimen. Bila siap kelak, senarai nama pemohon daripada MPPP akan dikemukakan kepada ICU JPM melalui Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani untuk dibuat verifikasi sebelum dimasukkan ke dalam sistem e-Kasih. Tarikh sebenar pelaksanaan SUBUR akan diumumkan oleh Kerajaan setelah semua persiapan selesai dan SUBUR dilaksanakan dengan lancar dan berkesan.

Dari segi insentif pula, antara insentif yang disediakan oleh Kementerian untuk menggalakkan lebih ramai penduduk menceburi bidang pertanian adalah:

i) Insentif Pengusaha Pertanian

- pemberian insentif kepada pengusaha pertanian bagi meringankan beban petani, penternak dan pengusaha akuakultur untuk menampung kenaikan kos pengeluaran dan menggalakkan petani supaya meningkatkan pengeluaran.
- kadar insentif bagi sayur-sayuran adalah RM81 bagi setiap tan metrik pengeluaran manakala buah-buahan adalah sebanyak RM78.
- Insentif pendaratan ikan juga disediakan kepada kepada nelayan di mana setiap kilogram ikan yang didaratkan, nelayan akan mendapat RM0.10.
- Bantuan Sara Hidup Nelayan sebanyak RM200 sebulan diberikan kepada nelayan yang mempunyai lesen sebagai bantuan bulanan untuk meringankan beban nelayan.

Di bawah Jabatan Pertanian telah disediakan insentif amalan teknologi tanaman di peringkat permulaan pelaksanaan projek untuk membolehkan petani membangunkan tanah-tanah milik persendirian bagi tujuan projek pertanian dan menggunakan teknologi yang disyorkan dalam pengeluaran tanaman. Insentif amalan teknologi yang disediakan adalah bagi tujuan penyediaan infrastruktur ladang seperti jalan ladang, sistem pengairan dan saliran serta penyediaan

input pertanian seperti baja untuk tanaman buah-buahan, sayur-sayuran, tanaman singkat masa, tanaman berpotensi seperti roselle, cendawan dan kelapa.

Di bawah Jabatan Perikanan pula pelbagai insentif alatan diberikan kepada nelayan. Bantuan ini adalah untuk membiayai kos pembelian perkakas/peralatan penangkapan ikan bernilai tidak melebihi RM 12,000.00 seorang. Jenis peralatan/perkakas yang diberikan di bawah program ini ialah pukat/jaring, enjin sangkut, kotak ikan berinsulasi, penghela pukat, *echo sounder*, sampan/bot FRP, dan baik pulih kulit bot.

Manakala di bawah Jabatan Perkhidmatan Veterinar disediakan insentif seperti Skim Transformasi Usahawan Sektor Ternakan (Skim TRUST) serta Skim Pinjaman Baka Baik Pejantan khusus untuk bidang usaha penternakan kambing dan lembu pedaging. Di bawah Skim TRUST, penternak yang berkelayakan berpeluang mendapatkan pinjaman tanpa faedah dalam bentuk ternakan (induk betina dan baka pejantan). Di samping itu, bantuan perkhidmatan teknikal dan klinikal serta rundingcara ekonomi ternakan disediakan secara percuma kepada semua penternak dalam usaha meningkatkan daya saing dan program transformasi pengusaha komersial.

NO. SOALAN: 44
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN **LISAN**
DARIPADA **TUAN SALAHUDDINBIN HAJI AYUB**
 (KUBANG KERIAN)
TARIKH **30 MAC 2010**

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah perbelanjaan setiap tahun bagi Jabatan Pembangunan Persekutuan Kelantan, projek-projek yang dilaksanakan serta pihak manakah yang menentukan kriteria projek-projek jabatan tersebut.

JAWAPAN

Perbelanjaan tahunan bagi JPP Kelantan sejak tahun 2006 adalah seperti berikut:-

| | | | | | |
|------------------------|-------------|-----------------------|-----------------------|--------------|---------------------|
| | 2006 | 234,728,996.70 | 233,392,722.03 | 99.43 | |
| | 2007 | 264,413,989.04 | 260,327,274.21 | 98.45 | |
| | 2008 | 134,058,207.80 | 132,230,454.47 | 98.64 | |
| | 2009 | 201,863,152.50 | 200,250,372.06 | 99.20 | |
| Kriteria projek | 2010 | 21,478,913.17 | 4,133,487.78 | 19.24 | projek- yang |
| | | | | | |

dilaksanakan oleh JPP Kelantan ditentukan oleh kementerian-kementerian yang menyalurkan peruntukan kepada JPP Kelantan untuk pelaksanaan.

PERTANYAAN
DARIPADA
TARIKH
SOALAN

JAWAB LISAN

Tuan Salleh bin Kalbi [Silam]

30 Mac 2010 (SELASA)

Tuan Salleh bin Kalbi [Silam] minta

MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI

ASAS TANI menyatakan

peranan Lembaga Pertubuhan Peladang dan

FAMA dalam memajukan dan memasarkan

hasil-hasil pertanian di kawasan Parlimen

Silam.

JAWAPAN

Oleh Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS

TANI

Tuan Yang Dipertua,

Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (**FAMA**) mempunyai peranan tersendiri dalam membangunkan sektor pertanian di negara ini dan saling memberi sokongan padu selaras dengan semangat **MOA** Inc.

Secara amnya LPP adalah berperanan dalam menggerakkan peladang untuk menceburi bidang pertanian dan mengukuhkan institusi peladang sementara **FAMA** menyelaraskan aktiviti pemasaran pertanian dan memperbaiki serta memajukan sistem pemasaran hasil pertanian negara.

Di Kawasan Parlimen Silam, terdapat dua buah Pertubuhan Peladang iaitu di Kunak dan Lahad Datu. Pertubuhan Peladang ini berperanan dalam aktiviti berikut:

- i. memberikan khidmat nasihat berkaitan program penanaman kelapa sawit;
- ii. menyediakan kemudahan pusat timbang dan pengangkutan buah kelapa sawit ke kilang;
- iii. memberi kemudahan jualan terus daripada ahli ke kilang; dan
- iv. mengadakan kerjasama dengan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) bagi meningkatkan pengeluaran hasil sawit ahli-ahli.

Bantuan-bantuan lain yang disediakan adalah:

- i. menyediakan program khidmat skim pemilikan jentera kecil;
- ii. menyediakan bekalan input pertanian;
- iii. menyediakan skim kredit bagi membiayai projek pertanian;
- iv. membekalkan benih agar-agar laut kepada usahawan dan ahli;
- v. membantu memasarkan produk sos cili keluaran ahli;
- vi. membekalkan kambing induk (jamnapari); dan
- vii. membekalkan mesin pemprosesan pelepah sawit untuk dijadikan makanan ternakan kepada ahli dengan kerjasama dengan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.

FAMA pula memberikan perkhidmatan di Daerah Lahad Datu, Daerah Kecil Tungku dan Daerah Kunak. Aktiviti-aktiviti untuk memasarkan hasil pertanian yang dijalankan adalah:

- i. memasarkan kelapa di Daerah Kecil Tungku;
- ii. membuka dua buah Pasar Tani di Lahad Datu dan Felda

Sahabat; **PARLIMEN MALAYSIA**
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

mengenalpasti dan mendaftarkan pengusaha Industri Asas Tani (IAT) bagi tujuan promosi produk IAT yang berpotensi;
menjalankan siri kursus pengendalian lepas tuai bagi menyokong Program Ladang Kontrak;
Menyediakan perkhidmatan Gerai Buah-Buahan Dan Sayur (GBBS); dan
membekalkan maklumat berkaitan pemasaran hasil-hasil Pertanian.

PERTANYAAN NO.SOALAN: 46 JAWAB LISAN
DARIPADA PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
: Y.B. DATO' IBRAHIM BIN ALI
TARIKH : 30 MAC 2010 (SELASA)

SOALAN

Y.B. Dato' Ibrahim bin Ali (Pasir Mas) minta PERDANA MENTERI menyatakan senarai projek-projek mega seperti lebuh raya, jambatan dan lain-lain lagi yang dicadangkan untuk negeri Kelantan dalam Rancangan Malaysia Ke-10 yang akan datang dan anggaran kos yang dijangka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tarikh akhir bagi semua kementerian mengemukakan cadangan program dan projek yang akan dilaksanakan dalam tempoh dua tahun pertama Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) adalah pada 26 Februari 2010. Pada masa ini, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri sedang mengkaji dan meneliti permohonan tersebut melalui pemeriksaan bajet program dan projek pembangunan dengan semua kementerian. Oleh itu, kesemua program dan projek serta kos untuk RMKe-10 termasuk projek yang dicadang dilaksanakan di negeri Kelantan masih lagi belum dimuktamadkan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Y.A.B. Perdana Menteri akan membentangkan RMKe- 10 di Dewan ini pada bulan Jun 2010.

sebanyak RM 59.612 juta telah diluluskan dalam tempoh 2 tahun tersebut bagi membantu rakyat berpendapatan rendah dan kurang mampu mendapat rawatan di hospital-hospital Kerajaan.

Sehingga penghujung 2009, sebanyak RM83.941 juta telah dibelanjakan daripada jumlah peruntukan yang diterima oleh KKM iaitu sebanyak RM 90 juta (2005-2009). Selain itu, pada tahun 2009 sahaja terdapat peningkatan yang ketara dari segi jumlah kelulusan iaitu sebanyak RM 11,883,589.96 (49.80%) berbanding tahun 2008. Jumlah pesakit turut meningkat kepada 70.76% pada tahun 2009 berbanding 51.78% pada tahun 2008. Ini jelas menunjukkan bahawa bantuan bagi rawatan dan peralatan perubatan yang diluluskan di bawah TBP kian bertambah pada setiap tahun.

Kesimpulannya, dana yang diperuntukkan sehingga kini telah digunakan sewajarnya. Ini membuktikan bahawa bantuan yang diluluskan di bawah TBP semakin meluas dan dimanfaatkan oleh rakyat Malaysia. Selain itu, trend peningkatan ini dijangka akan berterusan pada setiap tahun.

SOALAN NO

.48 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN JAWAB

LISAN

DARIPADAYB DATUK TIONG THAI KING (BN) (LANANG)

TARIKH 30 MAC 2010 (SELASA)

SOALAN

YB Datuk Tiong Thai King (BN) (Lanang) minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan bilangan pasangan suami isteri yang bercerai pada tahun 2008 dan 2009 dan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian untuk membantu isteri-isteri yang dalam proses perceraian dan tidak diberikan nafkah oleh suami selepas bercerai untuk meneruskan hidup dengan baik.

JAWAPAN:

Tuan yang di-Pertua,

Berdasarkan statistik daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), bilangan pasangan suami isteri yang bercerai pada tahun 2008 dan 2009 adalah seperti berikut:

Statistik Perceraian di Malaysia, 2007 - 2009

| Tahun | Orang Islam * | Orang Bukan Islam 1 |
|--------------|-----------------------|----------------------------|
| 2007 | 21,051 | 4,335 |
| 2008 | 22,289 | 3,150 |
| 2009 | Tiada maklumat | 2,938 |

Sumber: * JAKIM

Bagi membantu isteri-isteri yang dalam proses penceraian, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) menyediakan khidmat kaunseling di pejabat LPPKN di seluruh negara. LPPKN juga menerokai bidang mediasi di mana pasangan yang ingin bercerai boleh mendapatkan konsultasi terlebih dahulu sebelum meneruskan proses penceraian.

Bagi memudahkan keluarga yang menghadapi masalah hubungan dalam keluarga, 13 buah Pusat Khidmat Keluarga Setempat (*1-stop Family Centre*) akan diwujudkan menjelang akhir tahun ini. Tiga pusat telahpun beroperasi iaitu di Anak Bukit, Kedah; Seremban 2, Negeri Sembilan dan Shah Alam, Selangor. Antara pengisian pusat keluarga setempat ini adalah AIRIS Keluarga (Anjung Interaktif Rekreasi, Intervensi dan Sokongan) yang antara lainnya menyediakan khidmat kaunseling keluarga, terapi dan mediasi keluarga di samping aktiviti-aktiviti terapeutik dan kemahiran hidup untuk ahli-ahli keluarga.

SULIT

NO SOALAN : 49

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT**

| | |
|---------------------|---|
| PERTANYAAN : | LISAN |
| DARIPADA | Y.B TUAN SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL (MACHANG) |
| TARIKH | 30.03.2010 (SELASA) |

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan sejauh mana pencapaian program meningkatkan kecekapan kewangan ke arah '*zero financial mismanagement*' di Kementerian.

SULIT

NO SOALAN : 49

Mesy Pertama DR/10 30.03.10/Y.B TN SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL [MACHANG]

SULIT

Tuan Yang di-Pertua,

JAWAPAN:

Konsep dan pendekatan “*zero financial mismanagement*” (ZFM) telah dilancarkan oleh Kementerian pada 13 Oktober 2003 bagi memantapkan lagi akauntabiliti dalam sistem pengurusan kewangan Kementerian Pertahanan.

Konsep “*zero financial mismanagement*” (ZFM) telah memberi kesan besar di mana pengurangan yang ketara dalam kes perbelanjaan tidak menepati peraturan kewangan bagi tempoh 1998 - 2003 berbanding tempoh 2004 - 2005.

Bagi mengukuhkan lagi pengurusan kewangan, Kementerian Pertahanan melalui Bahagian Audit Dalam dan Siasatan Am (BADSA) telah melaksanakan Sistem AIMS (*Accountability Index Monitoring System*) iaitu pemantauan pengurusan kewangan secara *online* dilakukan oleh Pusat Tanggungjawab (PTJ) di bawah Kementerian. Sistem ini dapat memantau dan membantu PTJ-PTJ mematuhi pengurusan kewangan mengikut peraturan yang telah ditetapkan oleh Kementerian dan Perbendaharaan.

Bahagian Audit Dalam dan Siasatan Am (BADSA) Kementerian Pertahanan telah membuat penilaian ke atas PTJ-PTJ di Kementerian ini dengan memberikan penarafan

SULIT

bintang dari 1 bintang hingga 4 bintang.

Pada tahun 2009, sebanyak 37 PTJ telah mencapai tahap 4 bintang manakala 62 PTJ berada di tahap 3 bintang berbanding dengan tahun 2008 di mana hanya 11 PTJ bertaraf 4 bintang dan 70 PTJ bertaraf 3 bintang.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN

DEWAN

RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA

**YB TUAN MOHD YUSMADI BIN MOHD YUSOFF
[BALIK PULAU]**

TARIKH

SELASA, 30 MAC 2010

SOALAN [50]

**TUAN MOHD YUSMADI BIN MOHD YUSOFF
[BALIK PULAU] minta MENTERI LUAR NEGERI
menyatakan laporan prestasi Duta Besar Malaysia
ke Washington sehingga hari ini.**

JAWABAN Yang di-Pertua,

Terima kasih kepada Yang Berhormat Balik Pulau di atas soalan yang dikemukakan.

2. Sukacita saya maklumkan bahawa semenjak memegang jawatan sebagai Duta Besar Malaysia ke Amerika Syarikat dari 1 September 2009, Yang Berhormat Dato' Sri Dr. Jamaludin Jarjis telah melaksanakan tugasnya dengan baik dan berkesan.

3. Dengan sokongan pegawai-pegawai dari pelbagai agensi Kerajaan di Kedutaan kita di sana, Yang Berhormat Dato' Sri Dr. Jamaludin Jarjis telah berjaya memupuk hubungan dua hala yang baik antara Kerajaan kita dengan Kerajaan Amerika Syarikat, dalam aspek hubungan politik, ekonomi dan juga sosial.

4. Yang Berhormat Dato' Sri Dr. Jamaludin Jarjis telah menjalinkan hubungan yang akrab dengan pegawai-pegawai kanan Pentadbiran Kerajaan Amerika Syarikat, ahli-ahli Kongres, kumpulan-kumpulan pemikir (*think tank*), masyarakat perniaga dan juga badan-badan bukan kerajaan.

5. Peranan yang dimainkan oleh Yang Berhormat Dato' Sri Dr. Jamaludin Jarjis dapat dilihat daripada lawatan-lawatan peringkat tinggi dari Malaysia ke sana. Kerajaan Amerika Syarikat telah menyambut baik lawatan-lawatan dari Malaysia tersebut dan turut menghantar delegasi-

delegasinya sebagai lawatan balas.

6. Dalam mendekati rakyat-rakyat Malaysia di Amerika Syarikat, Yang Berhormat Dato' Sri Dr. Jamaludin Jarjis juga telah mengadakan pertemuan dengan masyarakat Malaysia di Boston, New York, Chicago, Atlanta, San Francisco dan juga di Los Angeles.

7. Secara keseluruhannya, dalam tempoh 6 bulan, semenjak Yang Berhormat Dato' Sri Dr. Jamaludin Jarjis memegang jawatan sebagai Duta Besar Malaysia ke Amerika Syarikat, perubahan dan peningkatan yang positif telah dapat dilihat dalam hubungan dua hala Malaysia dan Amerika Syarikat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN LISAN
DARIPADA : PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI
[BATANG
TARIKH SADONG] 30 MAC
2010

SOALAN

Puan Hajah Nancy Binti Haji Shukri [Batang Sadong] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan sama ada Kementerian mempunyai perancangan untuk menaik taraf hospital-hospital dan klinik-klinik kesihatan di luar bandar di negeri Sarawak

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian amat prihatin tentang keperluan naiktaraf beberapa buah hospital dan klinik kesihatan di luar bandar Sarawak supaya perkhidmatan kesihatan rakyat dapat dipertingkatkan dengan fasiliti kesihatan yang baik bagi kesejahteraan hidup rakyat. Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak telah mengenalpasti beberapa projek naik taraf kemudahan hospital yang bakal dilaksanakan di dalam *Rolling Plan*, Pertama iaitu 2011 dan 2012 RMK-10” yang melibatkan Hospital Umum Sarawak, Hospital Miri, Hospital Kapit, Hospital Sibul, Hospital Sarikei dan Hospital Limbang. Bagi kemudahan kesihatan luar bandar pula, beberapa projek telah dilaksanakan untuk menaik taraf fasiliti

agar taraf perkhidmatan klinik kesihatan di luar bandar dapat diperbaiki.

Selain itu, Kementerian Kesihatan juga telah dan sedang berusaha untuk menaik taraf perkhidmatan klinik kesihatan sedia ada melalui projek Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua (PRE2) tahun 2010 dan juga cadangan projek kesihatan di Sarawak yang sedang dipertimbangkan oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU) di bawah RMK-10.

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri (Bagan Serai)

TARIKH : 30 Mac 2010 (Selasa)

: Minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS

SOALAN TANI menyatakan

- a) status projek udang di Kampung Pantai Merdeka, Kuala Muda dan bagaimanakah status 25 orang pesertanya;
- b) apakah perancangan terhadap tanah milik LKIM seluas 162 hektar tersebut.

JAWAPAN : Tuan Yang Dipertua,

- a) Projek Ternakan Udang Fasa II, LKIM Pantai Merdeka dimulakan pada tahun 1989. Pada tahun 1995, projek ternakan tersebut diberhentikan oleh para peserta kerana serangan penyakit *white spot*

yang menyebabkan kematian ternakan yang melibatkan 25 buah kolam di kawasan seluas 84 hektar. Kejadian ini telah menyebabkan kerugian kepada kedua-dua belah pihak iaitu dianggarkan sebanyak RM650,000.00 oleh LKIM dan RM125,000.00 oleh para peserta. Ini melibatkan pembayaran tunggakan sewa kolam, bil-bil utiliti dan tanggungan kos - kos lain.

Daripada 25 orang peserta yang terlibat di dalam projek ternakan udang tersebut, 11 orang kembali bekerja sebagai nelayan semula, 4 orang bekerja sebagai pengawal keselamatan dengan syarikat yang mengambil alih projek ternakan udang, 2 orang bekerja mengambil upah di kampung, seorang bekerja di kilang, seorang mengoperasikan bot penambang, seorang bekerja dengan Persatuan Nelayan Kawasan dan 4 orang telah meninggal dunia.

- (b) Mulai tahun 2002, LKIM telah mengusahakan sendiri projek ternakan udang ini sebelum menyewakan tapak projek tersebut seluas 162 hektar kepada Syarikat *Vigilent Venture Sdn. Bhd.* pada tahun 2008 bagi menjalankan projek hatcheri, pendedaran benih serta ternakan udang

dan ikan di bawah Projek Berimpak Tinggi. Syarikat ini telah mengusahakan sebanyak 11 buah kolam yang melibatkan kawasan seluas 20 hektar untuk Fasa 1.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA: Y.B. DATUK SIRINGAN BIN GUBAT

TARIKH : 30 MAC 2010 (SELASA)

SOALAN

Y.B. Datuk Siringan bin Gubat (Ranau) minta PERDANA MENTERI menyatakan bilangan projek serta jumlah peruntukan yang akan dilaksanakan dalam RMKe-10 untuk kawasan P.179, Ranau.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tarikh akhir bagi semua kementerian mengemukakan cadangan program dan projek yang akan dilaksanakan dalam tempoh dua tahun pertama Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) adalah pada 26 Februari 2010. Pada masa ini, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri sedang mengkaji dan meneliti permohonan tersebut melalui pemeriksaan bajet program dan projek pembangunan dengan semua

kementerian. Oleh itu, kesemua program dan projek serta kos untuk RMKe-10 termasuk projek yang dicadang dilaksana di Ranau, Sabah masih lagi belum dimuktamadkan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Y.A.B. Perdana Menteri akan membenteng RMKe- 10 di Dewan ini pada bulan Jun 2010.

NO. AUM : 60

NO. AUP : St

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN SIVARASA A/L K.RASIAH [SUBANG]

TARIKH 30 MAC 2010

RUJUKAN 2413

SOALAN:

Tuan Sivarasa A/L K.Rasiah [Subang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bilakah laporan polis yang telah dibuat oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 20hb Februari 2009 di Balai Polis Damansara yang menuduh Tan Sri Gani Patail, Tan Sri Musa Hassan dan ACP Koh Hong San adalah terlibat dalam membuat satu laporan polis palsu berkaitan dengan tangkapan Datuk Seri Anwar oleh ACP Koh pada pukul 9 malam 20hb September 1998 dikembalikan kepada pihak polis oleh SPRM untuk tindakan dan apakah status siasatan.

Tuan Yang Dipertua,
JAWAPAN

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Subang yang mengemukakan pertanyaan.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, laporan polis yang dibuat oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 20 Februari 2009 adalah merujuk kepada kes-kes yang telah pun selesai proses perbicaraan sehingga ke mahkamah rayuan. Sehubungan dengan itu, isu tersebut adalah tidak lagi berbangkit.

NO. SOALAN

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA Y.B TUAN LIANG TECK MENG**

TARIKH 30 MAC 2010 (SELASA)

SOALAN Y.B TUAN LIANG TECK MENG minta PERDANA

MENTERI menyatakan mengapakah kebelakangan ini terdapat banyak pertubuhan RA (Resident's Association) yang ditubuhkan di sekitar kawasan perumahan terutamanya di kawasan Lembah Kelang dan Selangor. Adakah RT (Rukun Tetangga masih relevan dengan adanya RA ini dan peranan yang boleh dimainkan.

JAWAPAN : (YB Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon)

Di banyak kawasan perumahan yang dibangunkan, sama ada dalam bentuk *landed properties*, seperti banglo, rumah berkembar (semi-detached), rumah teres ataupun dalam bentuk rumah pangsa atau kondominium, telah muncul di kalangan penduduknya minat untuk menubuhkan persatuan penduduk melalui pendaftaran dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia di bawah Akta Pertubuhan 1966. Ini adalah selaras dengan hak asasi dan kebebasan kepada rakyat Malaysia seperti yang termaktub dalam Perkara 10 (1) (c) Perlembagaan Persekutuan untuk berpersatuan, berdasarkan kepada minat dan kepentingan bersama.

Jawatankuasa persatuan penduduk atau Residents Association (RA) diwujudkan melalui proses pilihan di kalangan penduduk. Tujuan utamanya ialah untuk mempertahankan kepentingan penduduk, membuat tuntutan terhadap pihak pemaju dan pihak berkuasa tempatan supaya

mempertingkatkan lagi kemudahan bersama atau menambahbaik dan membetulkan kekurangan atau masalah yang wujud.

Bagi rumah pangsa dan kondominium, RA sering mewakili para pemilik untuk memohon dan mendapatkan hakmilik strata. Selepas hakmilik strata diperolehi, kebanyakan RA mengambil inisiatif untuk menubuhkan *Joint Management Board (JMB)* atau Badan Pengurusan Bersama. Ada di antara JMB yang menggantikan RA , tetapi ada juga yang wujud secara berasingan atau secara selari (*parallel*) dengan RA.

Sememangnya, terdapat 1907 buah RA yang berdaftar di kawasan Lembah Klang pada penghujung 2009. Pihak kerajaan memandang secara positif penubuhan RA kerana ianya dapat memainkan peranan yang positif dalam menyelesaikan masalah-masalah para penduduk, khasnya dalam tempoh peralihan selepas memindah masuk ke dalam sesuatu skim perumahan yang baru dan sebelum mendapat hakmilik strata dan menubuhkan JMB.

Kawasan Rukun Tetangga (KRT) ditetapkan oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) selepas mengambilkira bilangan penduduk serta komposisi dan sifat dasar kependudukan dalam sesuatu kawasan perumahan. Bagi kawasan perumahan yang besar, mungkin diwujudkan dua (2) atau lebih KRT. Di sebaliknya, satu KRT pula mungkin merangkumi dua (2) atau lebih kawasan perumahan.

Sebenarnya, Rukun Tetangga (RT) merupakan pertubuhan komuniti sukarela di peringkat akar umbi di bawah naungan kerajaan pusat. Ahli-ahli jawatankuasa RT dilantik oleh JPNIN berdasarkan kepada pekerjaan dan pengalaman mereka, di mana keutamaan diberi kepada parapemimpin

NO. SOALAN

masyarakat, pegawai kerajaan dan para profesional dan aktivis sosial.

Lazimnya, satu (1) KRT merangkumi satu (1) atau lebih satu (1) RA. Untuk makluman, terdapat 838 KRT di Lembah Klang.

RT memainkan peranan untuk memupuk perpaduan di kalangan penduduk, membantu pihak polis dalam menjaga keselamatan melalui Skim Rondaan Sukarela (SRS) menganjurkan Tadika Perpaduan untuk kanak-kanak; program kegiatan untuk wargamas, wanita dan belia; program untuk memelihara dan meningkatkan mutu kualiti hidup melalui aktiviti kitar semula, gotong-royong dan sebagainya. Ada juga KRT yang menganjurkan program ekonomi untuk mengeluarkan dan memasarkan produk-produk tempatan.

Sekiranya kita mengkaji fungsi-fungsi RT dan RA, memang terdapat persamaan atau pertindihan dan juga perbezaan antaranya. Oleh itu, JPNIN mengambil pendekatan yang positif dan inklusif untuk menggalakkan RT untuk bekerjasama dengan RA dalam bidang-bidang di mana ada persamaan minat. Misalnya, dalam hal kualiti hidup, RT dan RA boleh bersama-sama bekerjasama menganjurkan program gotong-royong untuk kebersihan alam sekitar. Di sebaliknya, RT boleh menganjurkan SRS dengan membekalkan alat-alatan dan membeli insuran kumpulan bagi anggota-anggota SRS. Anggota SRS yang terdiri dari penjawat awam yang menjalankan tugas rondaan diberi cuti separuh keesokan harinya. RA tidak dapat memainkan peranan ini.

Oleh itu, RT masih relevan, seperti mana RA juga mempunyai peranannya. RT dan RA bolehlah saling melengkapi, atau complementary, khasnya dalam konteks NKRA untuk bersama memerangi jenayah serta memupuk semangat kejiranan dan perpaduan di samping meningkatkan kualiti hidup.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWABLISAN
DARIPADA: Y.B. DATUK SIRINGAN BIN GUBAT
TARIKH : 30 MAC 2010 (SELASA)

SOALAN

Y.B. Datuk Siringan bin Gubat (Ranau) minta PERDANA MENTERI menyatakan bilangan projek serta jumlah peruntukan yang akan dilaksanakan dalam RMKe-10 untuk kawasan P.179, Ranau.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tarikh akhir bagi semua kementerian mengemukakan cadangan program dan projek yang akan dilaksanakan dalam tempoh dua tahun pertama Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) adalah pada 26 Februari 2010. Pada masa ini, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri sedang mengkaji dan meneliti permohonan tersebut melalui pemeriksaan bajet program dan projek pembangunan dengan semua kementerian. Oleh itu, kesemua program dan projek serta kos untuk RMKe-10 termasuk projek yang dicadang dilaksana di Ranau, Sabah masih lagi belum dimuktamadkan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Y.A.B. Perdana Menteri akan membenteng RMKe- 10 di Dewan ini pada bulan Jun 2010.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN
DARIPADA Y.B. DATO* LILAH BIN YASIN
(JEMPOL)
TARIKH 30.03.2010

SOALAN:

Y.B. DATO* LILAH BIN YASIN [JEMPOL] minta Menteri Pelajaran menyatakan

- (a) apakah Kurikulum baru bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris; dan
- (b) apakah jaminan Kerajaan bahawa dasar ini mampu diserap oleh semua pelajar di luar bandar.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

- (a) Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Bahasa Inggeris menggunakan pendekatan *modular* yang memberikan penekanan kepada kemahiran bahasa iaitu mendengar dan bertutur (listening and speaking), membaca (reading) dan menulis (writing), kemahiran seni bahasa (language arts) dan tatabahasa (grammar).

Terdapat tiga elemen baru yang diperkenalkan di dalam kurikulum baru ini iaitu:

- (i) Pembelajaran onik (*phonics*) secara sistematik akan diajar kepada murid Tahun 1 dan Tahun 2 di dalam Modul Membaca (*Reading*) agar mereka boleh mengenai bunyi huruf dan cara untuk menggabungkan bunyi huruf tersebut yang sekaligus membolehkan murid menguasai kemahiran membaca.
- (ii) Pengenalan Modul Seni Bahasa (Language Arts) akan membolehkan murid memberi tumpuan kepada apresiasi bahasa yang menitikberatkan persembahan dan penghasilan kreatif tersendiri setiap murid.
- (iii) Modul Tatabahasa diperkenalkan kepada murid mulai Tahun 3 agar mereka mempunyai pengetahuan dalam tatabahasa yang akan membantu mereka dalam pembelajaran bahasa inggeris.

Keputusan Kabinet dalam melaksanakan dasar MBMMBI adalah sebahagian daripada usaha dan kesungguhan Kerajaan untuk memartabatkan bahasa Malaysia (BM) dan pada masa yang sama memperkukuhkan bahasa Inggeris (BI) di semua peringkat. Sehubungan itu, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) yakin dasar ini akan memberi manfaat kepada semua pelajar. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dasar ini telah diputuskan setelah KPM mendapat input melalui lima persidangan meja bulat daripada pelbagai pihak yang bersepakat tentang keperluan memartabatkan bahasa Malaysia dan memperkasakan bahasa Inggeris.

Pelaksanaan dasar ini akan merapatkan jurang pencapaian pelajar bandar dan luar bandar. Kajian-kajian yang dijalankan oleh KPM telah menunjukkan bahawa pencapaian murid dalam Bahasa Malaysia adalah lebih tinggi daripada bahasa Inggeris bagi murid-murid di kawasan bandar dan luar bandar dalam keputusan peperiksaan UPSR, PMR dan SPM. Kajian juga menunjukkan murid akan lebih mudah mengikuti p&p dalam Bahasa Malaysia berbanding Bahasa Inggeris. Keputusan UPSR bagi

Sains dan Matematik menunjukkan penurunan pencapaian gred A, B, C bagi kohort pertama PPSMI dan jurang pencapaian peperiksaan Sains dan Matematik UPSR antara sekolah bandar dan luar bandar semakin melebar. Dapatan kajian dari UNESCO juga menunjukkan pelajar lebih mudah

mempelajari pelajaran dalam bahasa ibunda pada peringkat awal persekolahan. Sehubungan itu, dengan pelaksanaan dasar MBMMBI, KPM berpandangan bahawa dasar ini akan memberi manfaat kepada murid dengan menggunakan bahasa Malaysia di Sekolah Kebangsaan dan bahasa ibunda di Sekolah Jenis Kebangsaan bagi pengajaran dan pembelajaran (p&p) Matematik dan Sains. Di samping itu, dasar ini akan mempertingkatkan penguasaan bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris dan jurang pencapaian antara bandar dan luar bandar dapat dirapatkan.

Dasar ini akan dilaksanakan selari dengan transformasi kurikulum dengan memperkenalkan elemen-elemen baru sebagai penambahbaikan yang akan memberi kesan positif kepada murid dalam aspek p&p. Elemen-elemen seperti didik hibur, asas berbahasa (*back to basics*) dan penambahan masa p&p bahasa Inggeris adalah beberapa pendekatan yang akan memanfaatkan semua pelajar termasuk pelajar di luar bandar.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN **LISAN**
DARIPADA **Y.B. TUAN GOBALAKRISHAN A/L NAGAPAN**
(PADANG SERAI)

TARIKH **30.03.2010**

SOALAN:

Y.B. TUAN GOBALAKRISHAN A/L NAGAPAN [PADANG SERAI] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk menghapuskan sistem sekolah bantuan modal dan selaraskan semua sekolah-sekolah di Malaysia sebagai sekolah bantuan penuh.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) akan terus memastikan kemudahan

pendidikan yang disediakan adalah untuk semua kaum walaupun perancangan pembinaan sekolah baru memberi keutamaan kepada sekolah aliran kebangsaan yang berupaya memberi kemudahan persekolahan kepada kanak-kanak pelbagai kaum. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penukaran status sekolah bantuan kerajaan kepada sekolah kerajaan adalah berdasarkan permohonan pihak sekolah dan pihak Lembaga Pengelola Sekolah (LPS) sekolah tersebut, setelah sekolah tersebut memenuhi kriteria-kriteria yang telah ditetapkan. KPM akan mempertimbangkan permohonan tersebut dan keputusan persetujuan adalah daripada Y.A.B. Menteri Pelajaran sendiri.

Rjm 57

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

| | |
|-------------------|--|
| PERTANYAAN | JAWAB LISAN |
| DARIPADA | YB PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN (PKR) (AMPANG) |
| TARIKH | 30 MAC 2010 (SELASA) |

SOALAN

YB Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin (PKR) (Ampang) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan maklum balas terkini hasil dari pelaksanaan semua cadangan tindakan untuk mengatasi isu penderaan seksual wanita dan kanak-kanak kaum Penan dari Jawatankuasa Bertindak peringkat Kebangsaan bagi Menyiasat Dakwaan Penderaan Seksual terhadap Wanita Kaum Penan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) mengadakan kerjasama dengan *Sarawak Women for Women Society (SWWS)* untuk melaksanakan tiga program iaitu program Gangguan Seksual, Pembangunan Minda dan “Wanita Bijaksana Keluarga Sejahtera”. Program tersebut telah dan akan dilaksanakan di Long Lama, Long San dan Batu Niah, Miri, Sarawak.

Fasa I program iaitu, dengan izin, “*familiarisation trip*” telah diadakan pada 21 Jun hingga 3 Julai 2009 di ketiga-tiga kawasan (Long Lama, Long San dan Batu Niah, Miri, Sarawak). Fasa I program bertujuan mengenai pasti sukarelawan yang terdiri daripada pelajar-pelajar sekolah dan masyarakat Penan yang akan menyertai Fasa II program iaitu, dengan izin, “*training of trainers*” (*TOT*). Seramai 1,300 orang peserta telah terlibat dalam Fasa I ini.

Fasa II program (*TOT*) bagi Long Lama telah diadakan pada 12 hingga 14 Oktober 2009. Program *TOT* dalam fasa ini telah dimanfaatkan kepada 382 sukarelawan yang telah dikenal pasti dan akan memberi kesedaran kepada kaum Penan termasuk wanita dan pelajar-pelajar sekolah mengenai gangguan seksual, pembangunan minda dan sebagainya. Pecahan bilangan sukarelawan yang terlibat yang ialah 72 orang wanita masyarakat Penan; 120 orang pelajar sekolah menengah (tingkatan tiga hingga lima); dan 190 orang murid sekolah rendah. Fasa II program bagi Long San akan diadakan pada akhir bulan Mac 2010.

Kementerian Kesihatan Malaysia pula sedang melaksanakan tiga program khusus untuk kaum Penan di Baram, Miri, Sarawak iaitu Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan

di Sarawak; Wanita Penan dan Kesihatan; dan Aktiviti Khusus untuk Masyarakat Penan. Selain itu, Kementerian Pelajaran Malaysia mengelolakan Program *Outreach* Menangani Isu-isu Pendidikan Murid Penan Kawasan Ulu Baram pada 1 hingga 7 November 2009. Program ini turut disertai oleh JPW dan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN). Objektif program ialah untuk menangani isu-isu keciciran/ketidakhadiran, isu-isu pendidikan dan program/aktiviti bersama ibu bapa/komuniti.

JPN Negeri Sarawak telah mengadakan program, dengan izin, '*outreach*' iaitu Operasi Pendaftaran Bergerak melalui penubuhan satu pasukan Unit Khas Bergerak (UKB) di Miri. Operasi ini bermula pada 3 Jun hingga 22 Oktober 2009. Ini merupakan strategi bagi menangani masalah ketiadaan dokumen kaum Penan. Operasi UKB disokong

melalui jaringan, dengan izin, '*smart partnership*' dengan syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) dan NGO turut diadakan iaitu Petroleum Nasional Berhad (Petronas) dan *international Tropical Timber Organization (ITTO)*.

Kerjasama diberikan dari segi mengenai pasti penduduk, menyediakan pengangkutan/penginapan kepada pasukan UKB, membuat hebahan dan sebagainya. JPN Negeri Sarawak juga membuat Operasi Serahan untuk memudahkan kaum Penan mendapat dokumen pengenalan diri. Turut diadakan ialah Majlis Dialog Bersama Pemimpin Masyarakat untuk memberi kefahaman kepada penduduk berkaitan dokumen pengenalan diri.

Di samping itu, JPN Negeri Sarawak merancang untuk mengadakan Operasi Khas MyKad Penan; Operasi Khas Sijil Lahir (SL) Penan; dan Operasi Khas Murid Tiada Dokumen Pengenalan Diri. Operasi bermula pada akhir tahun 2009 dan dijangka berakhir pada tahun 2011.

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN

LISAN

TARIKH

30 MAC 2010 (SELASA)

DARIPADA

Y.B. TUAN LOKE SIEW FOOK (RASAH)

SOALAN

Y.B. TUAN LOKE SIEW FOOK (RASAH) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan secara terperinci senarai projek perumahan terbengkalai yang dipulihkan melalui Dana Pemulihan Projek Terbengkalai yang berjumlah RM200 juta seperti yang diumumkan oleh Menteri Kewangan semasa pembentangan Bajet 2010 serta kriteria dan cara untuk memohon dana tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah mengenai pasti sejumlah 41 projek kos rendah dan sederhana untuk dipulihkan menggunakan peruntukan Kerajaan di bawah Bajet

2010.

Kriteria bagi pemilihan projek untuk dipulihkan adalah mengikut kategori seperti berikut

- (i) Kos rendah (iaitu RM42.000 ke bawah) - kemajuan projek 70% ke atas dan pembeli melebihi 50%
- (ii) Kos sederhana rendah (antara RM43.000 hingga RM100,000.00) - kemajuan projek 70% ke atas dan pembeli melebihi 50%

- (iii) Kos rendah & sederhana rendah - kemajuan projek 70% dan pembeli melebihi 50%
- (iv) Kos rendah - kemajuan kurang dari 70% dan pembeli melebihi 50%
- (v) Lain-lain - Pembangunan bercampur yang merangkumi rumah kos tinggi dan lain-lain.

Sebarang cadangan pemulihan projek perumahan terbengkalai yang memenuhi kriteria mengikut kategori seperti di atas boleh dikemukakan kepada Jabatan Perumahan Negara, KPKT pertimbangan selanjutnya.

**Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan**

Mac 2010

NO.AUM : 65

NO.AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA DATO' HAJI AB. HALIM BIN AB. RAHMAN
[PENGKALAN CHEPA]
TARIKH 30 MAC 2010
RUJUKAN 2414

SOALAN:

Dato' Haji Ab. Haiim Bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bahawa Jabatan Pendaftaran Negara sedang giat membuat sejenis KAD Pengenalan untuk subsidi petrol, nyatakan kepada siapakah KAD dibuat, apakah bentuk dan jenisnya dan bolehkah KAD ini digunakan untuk mengundi dalam Pilihan Raya.

Jawapan

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pengkalan Chepa yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Pendaftaran Negara hanya mengeluarkan 3 jenis Kad Pengenalan sahaja iaitu MyKad, MyPR dan MyKid. Kerajaan tidak bercadang untuk mengeluarkan sebarang Kad Pengenalan khas yang boleh digunakan bagi membolehkan warganegara Malaysia menikmati subsidi petrol. Ini adalah kerana Kerajaan telah memutuskan supaya MyKad sedia ada yang dimiliki oleh Warganegara Malaysia digunakan dalam urusan subsidi petrol.

NO.AUM : 66

NO.AUP : O

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA TUAN CHONG CHIENG JEN [BANDAR KUCHING]

TARIKH 30 MAC 2010

RUJUKAN 2415

SOALAN:

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bilangan Dayak atau orang asli yang ditangkap atau dituduh dan dihukum di mahkamah atas tuduhan bahawa mereka membuat demonstrasi terhadap pencerobohan tanah NCR mereka dalam masa 15 tahun kebelakangan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Bandar Kuching yang mengemukakan soalan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, Setakat ini, pihak polis telah menerima dua (2) laporan polis berhubung dengan demonstrasi mengenai pencerobohan tanah *Native Customary Rights* (NCR) oleh masyarakat Bumiputera Sarawak iaitu pada 10 November 2008 dan 16 September 2009.

Tuan Yang Dipertua,

Dalam demonstrasi yang berlaku pada tahun 2009, seramai lima belas (15) orang telah ditangkap dan siasatan ke atas mereka masih lagi dijalankan.

- yang diberi pilihan; dan
- iii. menggalakkan ibu bapa menghantar ke sekolah-sekolah aliran perdana yang berada di sekitar kawasan berkaitan.

Kekangan kewangan yang dihadapi oleh Kerajaan pada masa kini menyukarkan projek-projek pembinaan sekolah baru dilakukan bukan sahaja di kawasan Cheras tetapi juga di seluruh negara.

Rjm 59

**PEMBERITAHU
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

| | | |
|-------------------|--------------------------------|------------------|
| PERTANYAAN | LISAN | |
| DARIPADA | YB DR. TAN [KEPONG] | SENG GIAW |
| TARIKH | SELASA, 30 | MAC 2010 |
| RUJUKAN : | 04 [PR-1231-L36949] | |

SOALAN

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR menyatakan bilangan lawatan Perdana Menteri ke KL dan Labuan sejak beliau menjadi Menteri dan peruntukan serta kesan lawatan-lawatan ini. Apakah dasar dan peruntukan untuk memperhiaskan Wilayah

SOALAN NO: 64

Persekutuan terutamanya semasa musim perayaan seperti Aidilfitri dan Tahun Baru Cina serta perhiasan untuk Jalan Petaling dan Kepong bagi Tahun Baru Cina pada 14 Februari 2010.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Kepong, sejak saya dilantik sebagai Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar pada 9 April 2009, YAB Dato Seri Mohd Najib Tun Razak, Perdana Menteri Malaysia telah mengadakan sebanyak 7 lawatan ke Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang meliputi pelbagai tempat dan

kawasan. Manakala, bagi Wilayah Persekutuan Labuan pula, YAB Perdana Menteri masih belum berkesempatan untuk mengadakan lawatan ke wilayah tersebut.

Dalam lawatan ke Kuala Lumpur, peruntukan yang digunakan adalah dari pelbagai sumber, sama ada dari Jabatan Perdana Menteri sendiri atau dari Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar. Lawatan-lawatan yang telah dilakukan oleh Perdana Menteri ini telah meninggalkan kesan positif seperti:

- (i) Penambahbaikan Hentian Pudu Raya ;
- (ii) Penambahbaikan Petaling Street; dan
- (iii) Penambahbaikan Jalan Brickfields (Little India).

Berikutan dengan lawatan 'walkabout' YAB Perdana Menteri ke Kampung Bharu yang dilakukan pada 6 Februari 2010, peruntukan sebanyak RM2 juta telah dipersetujui untuk digunakan bagi membantu menyelesaikan masalah prasarana di dua blok pangsapuri PKNS 17 tingkat di Kampung Bharu. Peruntukan ini akan disalurkan kepada agensi pelaksana iaitu Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menggunakan peruntukan di bawah Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri (JPM). Skop kerja DBKL adalah merangkumi kerja mengecat blok, membaik pulih tangga kecemasan dan membina dua unit rumah sampah.

Sementara itu, dasar **berbelanja secara berhemah** adalah matlamat utama DBKL semasa musim perayaan dalam memperhias Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Selaras dengan itu, hanya kawasan-kawasan tertentu sahaja yang dihias semasa musim perayaan. Kawasan-kawasan yang terlibat mengikut perayaan adalah :

(i) Hari Rava Aidilfitri

- (a) Masjid Negara dan Masjid Wilayah Persekutuan pemasangan lampu ketupat dan lampu beranika warna**
- (b) Jalan Tuanku Abdul Rahman - pemasangan lampu ketupat dan lampu beranika warna**

(ii) Tahun Baru Cina

- (a) Jalan Petaling - pemasangan tanglung**
- (b) Jalan Bukit Bintang - pemasangan tanglung**

(iii) Hari Deeoavali

- (a) Jalan Brickfields (Little India) - pemasangan lampu beranika warna**
- (b) Lebu Ampang - pemasangan lampu beranika warna**

DBKL telah mengambil beberapa inisiatif dalam menghias Bandar Raya Kuala Lumpur pada musim-musim perayaan tertentu. Antaranya, menghias tebing-tebing bukit dengan tanaman landskap yang disusun mengikut perkataan (*tapestry*) pada sambutan Hari Wilayah Persekutuan dan Hari Kebangsaan. Bagi lain-lain perayaan seperti Tahun Baru Cina dan Aidilfitri, kerja-kerja penyelenggaraan landskap yang dilakukan adalah secara rutin bagi memastikan keadaan Bandar Raya Kuala Lumpur sentiasa dalam keadaan indah.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN **LISAN**
DARIPADA : **PUAN TERESA KOK SUH SIM**
 [SEPUTEH]
TARIKH **30 MAC**
 2010

SOALAN

Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh) minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah syarat yang dikenakan oleh Kementerian ke atas pelajar perubatan warga Malaysia yang tamat pengajian mereka di luar negara, khususnya dari negara China dan Rusia. Apakah langkah yang diambil oleh Kementerian untuk membantu graduan perubatan yang belajar di universiti atau kolej di luar negara yang tidak diiktiraf oleh Kementerian.

Tuan Yang di-Pertua,

Antara syarat yang dikenakan oleh Kementerian (Kesihatan Malaysia) ke atas pelajar perubatan warga Malaysia yang tamat pengajian mereka di luar negara, khususnya dari negara China dan Rusia: a. Syarat-syaratnya:

- i. Memiliki ijazah perubatan dari institusi yang diiktiraf dan tersenarai di dalam Jadual Kedua, Akta Perubatan 1971;
- ii. Berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia; dan
- iii. Dilantik oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia bagi menjalani latihan siswazah (sekiranya belum) atau melengkapkan khidmat wajib (jika tidak mendapat pengecualian di bawah Akta Perubatan 1971).

NOTA: Syarat adalah sama bagi SEMUA graduan perubatan TANPA mengira samada mereka menamatkan pengajian di dalam atau di luar negara;

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagai langkah pencegahan, Kementerian Kesihatan Malaysia dan Majlis Perubatan Malaysia dari semasa ke semasa menghebahkan kepada orang ramai agar mengikuti pengajian perubatan di institusi yang diiktiraf sahaja. Demi membantu graduan dari institusi tidak diiktiraf dan ingin meneruskan karier didalam bidang perubatan sebagai doktor, beberapa pendekatan berikut telah dilaksanakan:

- I. Mereka diberi peluang menduduki ujian kelayakan yang digariskan sebagaimana peraturan *medical (setting of examination for provisional registration) regulations 1993* di bawah akta perubatan 1971.**
- II. Pada tahun 2004:**
 - Semua graduan yang kehabisan peluang dibenarkan menduduki ujian kelayakan perubatan khas secara one-off.**
 - Walau pun dianggarkan terdapat sekitar 300 graduan yang masih belum lulus dan liputan meluas telah dibuat, namun hanya 39 calon merebut peluang dan menduduki ujian khas ini.**
 - Dari jumlah tersebut, hanya 14 orang (atau 35.9 peratus) lulus;**
- III. Pada tahun 2005 pula:**
 - Sekali lagi suatu ujian kelayakan perubatan khas telah dilaksanakan secara one-off;**
 - Calon diberi bimbingan selama enam bulan di hospital kementerian kesihatan malaysia dan dibayar elaun sebanyak rm500 sebulan sepanjang kursus.**
 - Dari 76 calon yang mendaftar, hanya 14 orang (atau 18.42 peratus) lulus.**

IV. Untuk kali ketiga, pada tahun 2008:

- **Graduan diberikan kelonggaran pindah.kredit ke institusi yang diiktiraf bagi mengikuti pengajian selama 3 tahun sebelum menduduki ujian tahun akhir walau pun pada dasarnya, pindah kredit telah dimansuhkan oleh majlis perubatan malaysia sejak disember 2003. Tempoh tiga tahun ditetapkan kerana kebanyakan mereka telah bergraduasi melebihi 5 tahun dan tidak mengamalkan sejak itu. Justeru, pengetahuan dan kemahiran mereka di dalam menyampaikan perkhidmatan yang selamat diragui;**
- **Selain itu, graduan juga diberi kelonggaran membuat pindah kredit bagi mengikuti pengajian ke peringkat sarjana muda di dalam pelbagai bidang sains perubatan seperti farmasi, fisioterapi, optometri, sains genetik dan sebagainya di dalam mahupun di luar negara; dan**
- **Tempoh ini kemudiannya dikurangkan kepada VA tahun sahaja diatas rayuan pihak tertentu. Namun graduan menghadapi masalah untuk diterima masuk dimana mana institusi di dalam dan di luar negara untuk memanfaatkan program ini. Jemaah menteri kemudiaannya memutuskan institusi pengajian tinggi awam tempatan menyediakan suatu kursus bimbingan berstruktur. Pada peringkat pertama (bahagian teori), 99 calon telah mengikuti kursus selama 3 bulan. Dari jumlah tersebut, hanya 35 calon lulus bagi melayakkan diri meneruskan kursus ke bahagian akhir (bahagian klinikal). Bahagian akhir kursus ini telah bermula pada 17 januari 2010 dan akan tamat pada April 2011.**

Selain itu, graduan juga dinasihatkan untuk: mengikuti pengajian di peringkat sarjana dalam bidang praklinikal seperti anatomi, biokimia, fisiologi, patologi, mikrobiologi dan sebagainya yang tidak memerlukan mereka lulus ujian kelayakan perubatan dan berdaftar di bawah Akta Perubatan 1971. Tenaga pengajar di dalam bidang praklinikal amat

diperlukan oleh institusi pengajian tinggi bukan sahaja di Malaysia malahan diseluruh dunia bagi tujuan pengajaran kursus perubatan, kejururawatan, fisioterapi dan pelbagai bidang berkaitan kesihatan;

- i. berkhidmat di dalam bidang yang berkait-rapat dengan perubatan seperti *medical representative* dengan syarikat pengeluar/pengedar farmasi, pendidikan kesihatan dan sebagainya yang juga tidak memerlukan mereka lulus ujian kelayakan perubatan dan berdaftar di bawah Akta Perubatan 1971.; atau
- ii. melanjutkan pengajian peringkat sarjana kepakaran di dalam bidang klinikal di institusi pengajian di luar negara. Untuk mengikuti pengajian di dalam negara, mereka perlu lulus ujian kelayakan perubatan dan berdaftar di bawah Akta Perubatan 1971. Ini adalah kerana mereka perlu mengamalkan profesion perubatan semasa mengikuti pengajian sarjana. Apabila mendapat pengalaman melebihi tiga tahun selepas lulus ijazah sarjana, mereka boleh diterima mendaftar di bawah Akta Perubatan 1971 tanpa perlu lulus ujian kelayakan perubatan. Pendekatan sebegini bertujuan memastikan mereka yang diterima mendaftar mempunyai pengetahuan dan kecekapan yang cukup untuk mengamalkan dengan cekap dan selamat.

Di antara langkah yang diambil bagi menambah bilangan graduan dalam bidang kompetitif ialah:

- i. Menambah bilangan tempat bagi program kompetitif di IPTA setiap tahun. Kadar purata peningkatan yang disarankan adalah sebanyak 3% setahun bergantung kepada kemampuan IPTA seperti tenaga pengajar dan prasarana bagi kemudahan pengajaran dan pembelajaran;**
- ii. Menambah bilangan IPTA yang menawarkan program kompetitif. Umpamanya, Universiti Darul Iman Malaysia (UDM) yang menubuhkan fakulti perubatan dan sains kesihatan pada tahun 2009, ini membolehkan penawaran Program Ijazah Sarjana Muda Perubatan dan Pembedahan diadakan;**
- iii. Meningkatkan pengambilan tenaga pengajar dan menyediakan kemudahan pengajaran dan pembelajaran berdasarkan kemampuan kewangan semasa; dan**
- iv. Menyediakan biasiswa di bawah Skim Latihan Akademik Bumiputera (SLAB) dan Skim Latihan Akademik IPTA (SLAI) kepada pensyarah IPTA bagi menyambung pengajian di peringkat lepasan ijazah termasuk dalam program kompetitif;**

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

TUAN TONY PUA KIAM WEE

[PETALING JAYA UTARA]

TARIKH

30 Mac 2010

SOALAN

TUAN TONY PUA KIAM WEE [PETALING JAYA UTARA] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan sebab PLUS melaporkan wang pampasan yang diterima daripada kerajaan berjumlah lebih kurang RM700 juta setiap tahun yang lalu walaupun Kerajaan hanya memperuntukkan RM390 juta dalam belanjawan Kerajaan.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, anggaran belanjawan yang diperuntukkan dalam Belanjawan Mengurus Kementerian Kerja Raya untuk tahun 2010 adalah berjumlah sebanyak RM394 juta. Jumlah tersebut adalah merupakan anggaran jumlah pampasan tunai yang perlu dibayar kepada beberapa syarikat konsesi termasuk PLUS kerana penangguhan kenaikan kadar tol, pengurangan kadar tol bas dan juga tanggungan Kerajaan bagi Program Rebat 20%.

Mengenai pihak PLUS melaporkan wang pampasan yang diterima

JAWAPAN :

daripada Kerajaan berjumlah lebih kurang RM700 juta setiap tahun adalah sebenarnya bukan merupakan pampasan tunai tetapi di “off-set” dengan pengecualian ke atas cukai pendapatan syarikat, pengecualian cukai ke atas dividen yang diisytiharkan oleh PLUS, perkongsian hasil tol dan faedah terhadap Pinjaman Mudah Kerajaan. Ianya adalah susulan daripada penyusunan semula struktur kadar tol pada tahun 2002 di mana kenaikan kadar tol telah dikurangkan daripada 26% kepada 10%.

SOALAN NO : 68

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN LISAN

DARIPADA : PUAN CHONG ENG

[BUKIT MERTAJAM]

TARIKH 30 MAC 2010

SOALAN

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan secara terperinci kumpulan wanita yang mempunyai risiko tertinggi menghadapi AIDS, nyatakan dalam lingkungan umur, negeri, kurungan pendapatan, kaum dan rancangan Kerajaan dalam mengatasi masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga akhir tahun 2009, jumlah terkumpul kes HIV yang dilaporkan kepada Kementerian Kesihatan adalah seramai 87,710 orang. Dari jumlah tersebut seramai 15,317 (17.5%) telah menjadi AIDS, 13,394 (15.3%) telah meninggal dunia. Daripada keseluruhan kes yang dilaporkan, seramai 8,091 (9.2%) adalah di kalangan wanita. Majoriti wanita yang dikesan HIV adalah berumur di antara 20 hingga 39 tahun. Negeri yang mencatat kumulatif kejadian jangkitan HIV yang tertinggi adalah Kelantan (1,259 kes) diikuti Johor (1,063 kes), Selangor (1,045 kes), Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (907 kes) dan Kedah (640 kes). Negeri-negeri lain mempunyai kumulatif bilangan kes jangkitan HIV kurang daripada 500 kes.

Seperti di kalangan lelaki yang dijangkiti HIV adalah daripada kaum Melayu, bagi wanita juga, majority jangkitan HIV adalah di kalangan orang Melayu (49%),

diikuti Cina (37%), India (9%) dan lain-lain kaum (5%).

Bagi mengatasi jangkitan HIV di kalangan wanita, Kerajaan telah dan sedang berusaha untuk menangani jangkitan tersebut. Melalui Pelan Strategik Kebangsaan mengenai HIV/AIDS, 2006-2010 (*National Strategic Plan on HIV/AIDS*), menerusi strategi yang ke empat iaitu pengurangan kerapuhan (*vulnerability*) kepada HIV/AIDS di kalangan wanita, remaja, belia dan kanak-kanak Kerajaan telah mengambil beberapa langkah wajar. Di antara langkah-langkah tersebut adalah untuk mengelakkan jangkitan HIV di kalangan yang akan berkahwin melalui ujian saringan HIV. Program yang mulanya dilaksanakan pada

tahun 2001 di kalangan pasangan Orang Islam telah berjalan lancar dan kini ianya adalah terbuka kepada mana-mana individu yang ingin berkahwin, samada orang Islam atau lain-lain agama. Ianya boleh di dapati secara percuma di klinik-klinik kesihatan. Pada tahun lepas seramai hampir 120,000 telah menjalani ujian saringan pra perkahwinan. Di samping itu, ujian saringan secara sukarela juga dilaksanakan di fasiliti kesihatan untuk mereka yang ingin mengetahui status HIV masing-masing. Mereka yang didapati positif akan diberi kaunseling mengenai langkah-langkah yang perlu diambil bagi mencegah penularan HIV kepada pasangan masing-masing.

Dikalangan ibu mengandung pula Kerajaan telah menyediakan kemudahan Ujian saringan HIV kepada mereka di semua fasiliti kesihatan kerajaan dan pada tahun lepas 99.7% atau 403,287 ibu mengandung telah disaring HIV dan seramai 171 orang wanita mengandung telah dikesan HIV. Semua mereka telah diberi rawatan antiretroviral bagi mencegah transmisi kepada anak mereka.

Selain daripada aktiviti-aktiviti yang dinyatakan di atas, Kerajaan akan terus melaksanakan aktiviti penerangan kepada setiap lapisan masyarakat tentang kepentingan untuk tidak dijangkiti HIV. Sesi-sesi pendidikan kesihatan akan sentiasa diteruskan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT Bagi Jawab Lisan Tuan Lim Guan

PERTANYAAN Eng [Bagan] 30 Mac 2010 (Selasa)
DARIPADA
TARIKH Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **MENTERI PENGANGKUTAN**
SOALAN menyatakan prestasi kewangan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (PPC) dan PPSB. Nyatakan prestasi pelabuhan lain sebagai bandingan dengan pelabuhan lain dan adakah Kerajaan pusat akan memperuntukan RM500 juta untuk mendalamkan kawasan perairan laut demi memperbesarkan perniagaan, menggalakkan industri tuna dan 'barter trading'.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Bagi tahun 2008, Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP) telah memperoleh pendapatan sebanyak RM14.5 juta dan mengalami defisit selepas cukai sebanyak RM0.34 juta.

Sementara itu, bagi Penang Port Sdn. Bhd (PPSB) pula, pendapatan yang diperolehi pada tahun 2008 adalah sebanyak RM284.1 juta di mana PPSB memperoleh lebih sebanyak RM23.1 juta.

Mengenai prestasi kewangan SPPP berbanding dengan lembaga-lembaga pelabuhan lain, saya akan memberikan butir-butir terperinci secara bertulis dengan izin.

Dalam hubungan ini, saya ingin menjelaskan bahawa perbandingan prestasi kewangan di antara semua lembaga/suruhanjaya pelabuhan perlu mempertimbangkan aspek-aspek lain juga seperti saiz operasi dan kawasan pelabuhan yang berbeza-beza di antara satu sama lain.

Kementerian Pengangkutan telah memohon agar projek mendalamkan perairan Pelabuhan Pulau Pinang dengan anggaran kos RM351.25 juta dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Ke Sepuluh. Walau bagaimanapun, kelulusan ke atas permohonan peruntukan projek tersebut akan hanya diketahui setelah diputuskan oleh Kerajaan.

NO. AUM : 77

NO. AUP :

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA DATUK AZALINA BINTI DATO* OTHMAN SAID
[PENGERANG]
TARIKH 30 MAC 2010
RUJUKAN 2417

SOALAN:

Datuk Azalina binti Dato' Othman Said [Pengerang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan adakah Kerajaan sedar berkenaan masalah dan banjiriran warga asing di negara ini yang dilihat semakin membimbangkan. Kehadiran mereka kini dilihat sebagai satu ancaman yang serius kepada keselamatan dan juga ketenteraman rakyat. Adakah Kerajaan bercadang agar sistem yang diguna pakai ketika ini dikemas kini dan dipertingkatkan bagi menambah kecekapan mengawal selia rekod kemasukan warga asing.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Pengerang yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kehadiran warganegara asing samada pelancong atau pekerja telah memberi sumbangan besar dalam industri berkenaan di samping membantu menggalakkan pertumbuhan ekonomi negara. Terdapat sektor-sektor tertentu di negara ini yang tidak diminati oleh rakyat tempatan untuk bekerja, dengan demikian tenaga kerja asing masih diperlukan. Namun, tidak dinafikan ada segelintir pelawat asing yang menyalahgunakan kemudahan imigresen seperti bekerja tanpa Pas yang sah.

Dari segi keselamatan, berdasarkan rekod jenayah indeks PDRM menunjukkan hanya 2.3% jenayah melibatkan warganegara asing yang mana situasi ini masih terkawal. Dari aspek rekod, pemantauan dan pengesanan terhadap warganegara asing, Kerajaan telah memutuskan untuk mewujudkan makmal (*management lab*) khas untuk mencari penyelesaian mengenai isu-isu ini. Inisiatif ini adalah pendekatan terbaik untuk mencari resolusi berkesan termasuklah dari aspek sistem, undang-undang, prosedur dan penguatkuasaan. Di antara cadangan lain ialah merekodkan maklumat berdasarkan biometrik sepenuhnya ke atas semua warganegara asing yang memasuki negara ini.